

"MASA yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah. Oleh itu sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan Ramadan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa, dan sesiapa yang sakit atau sedang dalam perjalanan (atau pelayaran dalam bulan Ramadan itu bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa pada hari-hari yang lain (sebagai ganti puasa yang ditinggalkan itu). Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan. Hendaklah kamu mencukupkan bilangan (puasa Ramadan) itu dan mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.59 | SUBUH 5.09 | SYURUK 6.26 | DUHA 6.48 | ZUHUR 12.30 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.40 Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 33 | 18 MAC 2023 / 1444 شعبان 25 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Inovasi kekal penting untuk perniagaan kembali berkembang

Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Khamis, 16 Mac. - Menurut Annual Census of Enterprises (ACE) 2021, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) membentuk 97.2 peratus daripada perusahaan aktif di Negara Brunei Darussalam, yang mana menjadikan sektor tersebut sebagai bahagian penting dalam landskap ekonomi di negara ini.

Selain menyediakan peluang pekerjaan, sektor tersebut juga memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan ekonomi negara yang selain membekalkan barangan dan perkhidmatan, juga menggalakkan persaingan dan kestabilan dalam pasaran, serta memacu inovasi yang menggiatkan kemajuan ekonomi dan menghasilkan aktiviti nilai tambah ekonomi yang tinggi.

Perkara tersebut digariskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Brunei Economic Development Board (BEDB) dan Darussalam Enterprise (DARE) semasa Majlis Pelancaran Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam (Brunei MSME Festival) 2023 bertempat di Bridex Hall 1, di sini.

>> Muka 16

PKBN CERMINKAN KEBERKESANAN, NILAI YANG TINGGI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Oleh : Aimi Sani

TEMBURONG, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

bertitah menzahirkan keyakinan dengan adanya nilai tambah kurikulum dalam latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), para alumni program tersebut kini lebih bersedia untuk menghulurkan khidmat bakti mereka secara sukarela bagi menangani sebarang kejadian bencana alam apabila diperlukan.

>> Muka 2

Kriteria kendalikan urusan Pakej Haji, Umrah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman



Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Syarat utama bagi sesebuah syarikat yang mengendalikan Urusan Pakej Haji dan Umrah ialah mereka hendaklah pemegang lesen dan mempunyai kebenaran yang sah dari

Ugama (KHEU).

Dari untuk itu, Jabatan Urusan Haji berperanan mengeluarkan kebenaran kepada syarikat-syarikat yang mempunyai Lesen Ejen Pelancongan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan dikeluarkan oleh autoriti-autoriti yang lain.

>> Muka 8

Pembekalan elektrik diutamakan kepada PMKS

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Secara amnya, pembekalan elektrik yang berterusan adalah diberikan keutamaan khususnya untuk memacu kegiatan ekonomi

negara dan mendorong pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) pelbagai sektor.

>> Muka 12



Berita Utama



GRADUAN AWE diraikan

Muka 15



MEMPERINGATI Penubuhan Jabatan Penjara Ke-69

Muka 17



LAWATAN menggalakkan sistem keadilan cekap, berkesan

Muka 18



MANFAATKAN minat membuat kek roll sebagai satu pendapatan

Muka 28

PKBN cerminkan keberkesanan, nilai yang tinggi

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-11 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, di sini.

Dalam titah, baginda merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-11 dapat dilaksanakan selepas ditunda selama satu tahun disebabkan penularan wabak COVID-19.

Baginda dalam titah, juga mengambil maklum, bahawa seramai 539 pelatih yang

menamatkan latihan pada hari ini merupakan jumlah tertinggi dalam sejarah pelaksanaan PKBN.

"Ini tidak syak lagi adalah mencerminkan keberkesanan serta nilai yang tinggi latihan PKBN. Untuk memastikan latihan PKBN sentiasa relevan, Bahagian Khidmat Bakti Negara telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan beberapa kurikulum baharu yang memberikan tumpuan kepada pertahanan awam atau juga dikenali sebagai *civil defence*."

"Beta difahamkan, bahawa satu kurikulum iaitu penyelarasan kesiapsiagaan bencana asas yang berjalan selama satu minggu khusus untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan kelayakan bagi para pelatih telah diterapkan dalam latihan PKBN ini," titah baginda.

Mengambil sukut kejayaan latihan-latihan PKBN sebelum ini, baginda bertitah melahirkan kegembiraan mengetahui bahawa Bahagian Khidmat Bakti Negara dengan kolaborasi bersama Manpower Planning and Employment Council (MPEC) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah memperkenalkan Program Jati Diri khusus bagi para penuntut IBTE, IBTE dalam Program i-Skill.

Program selama 90 hari itu, titah baginda, adalah julung-julung kali dilaksanakan pada 20 Ogos 2022 dan bertujuan untuk mengukuhkan integriti, disiplin dan daya tahan para penuntut tersebut.

Baginda dalam titah, percaya bahawa Program Jati Diri seperti ini boleh dilartkan kepada pegawai-pegawai muda yang baru berkhidmat di sektor awam dan sektor swasta khusus untuk menerapkan bukan sahaja pengukuhan jati diri tetapi juga mempertingkatkan kualiti kepimpinan diri.

Dalam titah, baginda sedia mengambil maklum bahawa Kem Latihan PKBN ini turut dijadikan sebagai Pusat Pengasingan Komuniti yakni Community Isolation Centre COVID-19 bagi sama-sama menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Ini titah baginda, mencerminkan bahawa kem latihan bukan sahaja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

digunakan bagi pelaksanaan latihan PKBN malah juga dimanfaatkan untuk fungsi-fungsi yang lain jika diperlukan.

Pada akhir titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita

mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-11 dan juga para ibu bapa dan penjaga atas kesungguhan para pelatih dan sokongan para ibu bapa dan penjaga di sepanjang latihan PKBN selama tiga bulan.

"INI tidak syak lagi adalah mencerminkan keberkesanan serta nilai yang tinggi latihan PKBN. Untuk memastikan latihan PKBN sentiasa relevan, Bahagian Khidmat Bakti Negara telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan beberapa kurikulum baharu yang memberikan tumpuan kepada pertahanan awam atau juga dikenali sebagai *civil defence*."

"Beta difahamkan, bahawa satu kurikulum iaitu penyelarasan kesiapsiagaan bencana asas yang berjalan selama satu minggu khusus untuk memberikan pengetahuan, kemahiran dan kelayakan bagi para pelatih telah diterapkan dalam latihan PKBN ini," titah baginda.

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	25	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.31	7.40
19	AHAD	26	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40
20	ISNIN	27	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40
21	SELASA	28	4.57	5.07	6.24	6.47	12.29	3.36	6.31	7.40
22	RABU	29	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	KHAMIS	1 RAMADAN	4.56	5.06	6.23	6.46	12.28	3.34	6.31	7.40
24	JUMAAT	2	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Pekan Bangar		
30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Pekan Tutong		
30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
Kuala Belait		
30 24 °C	30 24 °C	31 24 °C

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

18 MAC 2023

Berpuasa untuk bersihkan hati dan jiwa

APABILA bulan Ramadan tiba, umat Islam diwajibkan berpuasa. Tujuan kita berpuasa adalah untuk mengingatkan kita kepada golongan yang kurang bernasib baik dan juga untuk melebihi perasaan syukur dengan apa yang kita ada. Berpuasa di bulan Ramadan adalah salah satu daripada rukun Islam dan mengerjakan puasa adalah wajib bagi semua orang Islam yang dewasa dan dalam keadaan sihat. Orang-orang yang dikecualikan daripada berpuasa adalah kanak-kanak yang belum baligh, orang tua, orang yang tidak mampu untuk berpuasa kerana sakit dan apabila berpuasa ia boleh memudaratkan lagi kesihatan orang tersebut, wanita hamil, ibu yang menyusukan anak damit dan musafir.

Apabila kita berpuasa kita mesti ingat, kita bukan sahaja menahan lapar dan dahaga tetapi kita juga menahan diri dari perasaan marah dan perkara-perkara yang membawa kepada dosa. Apabila kita berpuasa, kita juga sebenarnya sedang membersihkan hati dan jiwa sambil kita bersabar dan menjaga anggota badan dari melakukan perkara-perkara yang membawa kepada dosa. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud, "Puasa itu adalah perisai. Maka janganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan orang-orang jahil. Dan sekiranya seseorang mengajanya bertengkar atau memaki hamun dan mencelanya, maka hendaklah dia mengatakan : "Sesungguhnya aku sedang berpuasa".

Apa yang boleh membantu kita apabila kita berpuasa dan menahan diri dari lapar, dahaga dan dari perkara-perkara seperti menahan marah adalah mengukuhkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183, tafsirnya, "Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa". Erti takwa adalah sangat berkait dengan kualiti dalam kehidupan seorang Islam yang membuatkan dirinya sentiasa ingat dan sedarkan kewujudan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang masa. Oleh itu, orang yang bertakwa suka melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran kerana dia sadar Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melihat. Untuk melatih diri kita supaya mempunyai ketakwaan yang tinggi adalah dengan melatih diri untuk sabar dan tabah apabila diuji atau diduga dan juga yakin bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan membantu dan memberi ganjaran kepada orang yang sabar dan sentiasa melakukan kebaikan. Sesungguhnya berpuasa mengajarkan kesabaran, dan dengan kesabaran seseorang itu insyaaAllah akan dapat melatih dirinya untuk lebih bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

539 PELATIH PKBN TAMAT LATIHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 yang terdiri daripada seramai 539 pelatih, iaitu 403 lelaki dan 136 perempuan (atas). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika Hormat Diraja yang disusuli dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TEMBURONG, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini telah berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 di

Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Padang Kawad, Kem Latihan berkenaan dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Sulaiman bin Haji Alidin;

Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Saifulrizal bin Abdul Latif; Setiausaha Tetap (Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Haji Zakaria bin Haji Serudin; dan Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah.

Upacara dimulakan dengan Hormat Diraja dan disusuli dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah



Peliharakan Sultan'.

Seterusnya Kebawah DYMM berkenan memeriksa Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-11 yang terdiri daripada seramai 539 pelatih, iaitu 403 lelaki dan 136 perempuan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima tabik hormat

daripada perbarisan yang berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat.

Seterusnya, baginda berkenan mengurniakan titah dan mengurniakan anugerah kepada enam pelatih terbaik PKBN Ke-11 iaitu Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, 13476 Muhammad Sukhairol Suharae bin Abdulah Suhardi; Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 13590 Nur Insyirah Batrisya binti Haji Zainuddin; Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 13693 Mohammad Addey bin Someun; Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani, 13560 Rabiatal Adawiyah binti Shahminan; Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 13292 Muhammad Nur Iffat Fadlullah bin Fandi; dan Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 13370 Hazirah Maisarah binti Hamdillah.

>> Muka 4



PERBARISAN berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat daripada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-11 (atas). Sementara gambar atas kanan, para ibu bapa dan keluarga memberikan tepukan gemuruh selepas menyaksikan para pelatih melakukan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat dengan penuh bersemangat.

LAUNGAN 'Tiga Kali Daulat' daripada para pelatih PKBN Pengambilan Ke-11 pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anugerah kepada Pelatih Lelaki Terbaik Kawad, 13476 Muhammad Sukhairol Suharae bin Abdulah Suhardi dan Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 13590 Nur Insyirah Batrisya binti Haji Zainuddin (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan.



PARA ibu, bapa dan keluarga para pelatih PKBN Pengambilan Ke-11 dan para pelatih menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan (atas dan kanan).

>> Muka 3

Upacara diteruskan dengan laungan 'Tiga Kali Daulat' untuk Kebawah DYMM dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Sebelum beredar dari Padang Kawad, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan diikuti dengan Perbarisan Tamat Latihan berjalan lalu dan keluar daripada padang perbarisan.

Baginda kemudian berangkat menuju ke Ruang Legar, Blok 1, Kem Latihan PKBN bagi menyaksikan pameran daripada Tim Pusat Pengasingan Komuniti (Community Isolation Centre) - PKBN dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (pengendalian serta pelaksanaan Latihan Penyelaras Kesiap siagaan Bencana Asas) sebelum baginda dijunjung berangkat ke Bilik Tetamu 1, Blok 1, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara bagi santap ringan.

Mengiringi keberangkatan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin

Haji Mohd. Yussof dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan sempena keberangkatan baginda pada upacara tersebut.

Sebelum meninggalkan majlis, Kebawah DYMM berkenan berangkat bagi sesi bergambar ramai bersama para pelatih dan seterusnya disembahkan dengan sebuah pesambah oleh Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah sebagai menjunjung kasih di atas keberangkatan baginda.

Keberangkatan Kebawah DYMM pada hari ini menunjukkan bukti keprihatinan baginda terhadap perkembangan Belia di Negara Brunei Darussalam terutama kepada para pelatih PKBN ini.

Di samping itu juga, ia adalah sebagai penyuntik semangat para pelatih untuk terus aktif memainkan peranan sebagai belia yang berdikari, berdisiplin, berwawasan, berhemah, bertakwa dan syumul dan terus

menerus aktif mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang program setelah tamat menjalani PKBN agar dapat menabur bakti dan meningkatkan rasa cinta serta pengorbanan terhadap negara, bangsa dan agama sesuai dengan hasrat penubuhan Program Khidmat Bakti Negara.

Sejak PKBN ini ditubuhkan, PKBN telah mengeluarkan seramai 3,716 Alumni PKBN dan ini adalah termasuk jumlah Alumni PKBN Pengambilan Ke-11.

>> Muka 5



DOA selamat dibacakan pada upacara tersebut.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pelatih PKBN Pengambilan Ke-11.

>> Muka 4

PKBN Pengambilan Ke-11 telah dikendalikan serta dilaksanakan bermula

27 November 2022 dan berakhir pada 16 Mac 2023. Mereka ini dilatih oleh Pegawai / Jurulatih / Tenaga

Kerja yang telah diperbantukan daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei, Pasukan

Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Outward Bound Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

dan sukarelawan profesional yang dibantu oleh Alumni PKBN bagi sama-sama menjayakan PKBN ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Buku Lembaran Kenangan sempena keberangkatan baginda pada upacara berkenaan (atas kanan). Sementara gambar atas kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama enam pelatih terbaik PKBN Ke-11. Manakala gambar kiri, baginda berkenan berbual bersama para Alumni PKBN.



KEBAWAH DYMM disembahkan dengan sebuah pesambah oleh Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Mejar (B) Haji Mohammad bin Dollah sebagai menjunjung kasih di atas keberangkatan baginda (atas). Manakala gambar kiri, baginda mendengarkan sembah penerangan ketika menyaksikan pameran daripada Tim Pusat Pengasingan Komuniti (Community Isolation Centre) - PKBN dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (pengendalian serta pelaksanaan Latihan Penyelarasan Kesiap siagaan Bencana Asas).

BERKENAN MELAWAT BANGUNAN BAHARU SMSH



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANGAR, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan mengadakan Lawatan Tidak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama guru-guru dan pelajar-pelajar ketika berkenan bercemar duli bagi Lawatan Tidak Berjadual ke Bangunan Baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) (atas dan atas kiri).

Berjadual ke Bangunan Baharu Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke sekolah tersebut dijunjung oleh Pemangku Pengetua SMSH, Helmy bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir bagi mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM

ke sekolah tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan melawat Bangunan Blok Pentadbiran yang menempatkan guru-guru SMSH dan kemudian meninjau kemudahan-kemudahan yang ada.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di bangunan baharu SMSH seperti bilik-bilik darjah, Padang Sekolah, di samping meninjau lebih dekat lagi suasana pembelajaran para pelajar SMSH (atas, atas kiri, kiri dan bawah kiri). Sementara gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama pelajar-pelajar Pre Vocational dan guru-guru SMSH.





>> Muka 6

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan melawat Blok Bilik Darjah dan menerima sembah penerangan daripada guru-guru sekolah berkenaan.

Kebawah DYMM kemudian berkenan melawat Blok Makmal Sains yang menempatkan Perpustakaan, Makmal Sains, Bilik Darjah Pre Vocational SSMH.

Turut menjadi perhatian

Kebawah DYMM semasa lawatan tersebut ialah Padang Sekolah berkenaan.

Sepanjang lawatan tersebut, warga sekolah termasuk para pelajar tidak melepaskan peluang untuk beramah mesra dengan Kebawah DYMM.

Sebelum mengakhiri keberangkatan, Kebawah DYMM berkenan menandatangani Lembaran Kenangan keberangkatan dan kemudian dijunjung untuk bergambar ramai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau sesi pembelajaran di salah sebuah Makmal Sains, Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMH) (atas). Manakala gambar atas kiri, Kebawah DYMM berkenan menyaksikan hasil tangan salah seorang pelajar SMH.

bersama warga sekolah di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Bangunan Baharu SMH mula digunakan pada Rabu, 1 Mac 2023 bersamaan 8 Syaaban 1444 susulan daripada Majlis Penyerahan Kunci bagi bangunan baharu sekolah berkenaan pada 20 Februari 2023 yang lalu.

Sekolah tersebut menempatkan seramai 714 pelajar, 80 tenaga pengajar dan 16 tenaga sokongan.

Dengan adanya bangunan baharu itu akan dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya akan dapat merealisasikan visi sekolah untuk membentuk generasi masa depan yang siap siaga di mana program yang dirancang adalah menjurus kepada mempersiapkan pelajar dengan kemahiran Abad Ke-21 dan kemahiran teknologi untuk membantu pelajar-pelajar

berkembang dan dapat mengharungi cabaran-cabaran baharu.

Terdahulu, sebelum berangkat ke Bangunan Baharu SMH, Kebawah DYMM berkenan melawat ke Rumah Panjang Tanjung Bungar yang terletak berhampiran dengan Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Rumah Panjang Tanjung Bungar itu merupakan sebuah rumah panjang moden serta menjadi khazanah warisan dan sering menerima kunjungan para pelancong.



KEBAWAH DYMM berkenan berinteraksi bersama dua orang pelajar ketika berkenan meninjau Perpustakaan SMH (atas). Manakala gambar atas kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada salah seorang pelajar SMH.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan melawat ke Rumah Panjang Tanjung Bungar yang terletak berhampiran dengan Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (kanan). Manakala gambar kanan sekali, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan keberangkatan.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KRITERIA KENDALIKAN URUSAN PAKEJ HAJI, UMRAH

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang

Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin, mengenai kriteria-kriteria yang membolehkan lapan buah syarikat yang berkenaan diberikan kebenaran untuk mengendalikan ketiga-tiga kategori, iaitu Pakej Umrah, Pakej Haji Pakej Umrah menggunakan Visa Umrah dan Pakej Umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi.

Pada Persidangan Mesyuarat

Pertama Dari Musim Permesyuaratan (MMN) Ke-19 MMN bagi hari ke-11, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, kebenaran-kebenaran memang sedia dibenarkan kepada operator-operator yang kementerian menyebutnya Operator Haji dan Umrah yang dibenarkan dalam tempoh-tempoh tertentu.

"Tetapi bagi mereka mengexecute atau melaksanakan kebenaran yang mereka peroleh ini, mereka terlebih dahulu meminta kebenaran membawa pada musim itu untuk melakukan Umrah, Haji memang diketahui.

"Ini adalah bertujuan untuk kawalan-kawalan ertinya tidak terjadi apa-apa yang tidak diinginkan

berlaku ke atas jemaah atau atas pakej-pakej yang berkenaan itu yang tidak terlebih dahulu diketahui oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Jabatan Urusan Haji," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, mereka yang berhasrat untuk mengadakan pelancongan biasa lesennya tetapi untuk umrah hendaklah mempunyai detail-detailnya kepada Jabatan Urusan Haji dan setelah kebenaran tersebut ada, akan dilakukan sebagaimana ditawarkan kepada jemaahnya.

Kawalan terhadap syarikat-syarikat pengendali sedemikian ini adalah semata-mata untuk masalah syarikat itu sendiri terutama sekali masalah jemaahnya.

Jabatan Urusan Haji dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan tambah Yang Berhormat sentiasa membantu syarikat-syarikat pengendali, memandangkan ia adalah usaha niaga yang baik dan berkaitan dengan ibadat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

"Maka Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Urusan Haji akan sentiasa melakukannya. Jadi perkara-perkara sedemikian itu, sama-samalah kita memahami. Kalau peraturan-peraturan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat sudah memang berlesen, peraturan-peraturan itu adalah peraturan dari segi pelaksanaan lesen ialah untuk membolehkan mereka mengumpulkan jemaah-jemaahnya. Tapi perlaksanaannya, bagaimana, hendaklah terlebih dahulu diketahui oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama," jelas Yang Berhormat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Cadangan program bagi mentakmirkan masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Pada Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara bagi hari ke-11, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mencadangkan supaya guru-guru agama terlibat secara aktif dalam apa-apa juga kegiatan yang diadakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid.

"Kalau boleh, mereka menjadi contoh kepada belia dan pelajar mereka. Sehubungan itu, kaola mencadangkan supaya kegiatan-kegiatan di masjid diambil kira dalam penilaian mereka sebagai insentif kepada guru-guru agama ini," jelas Yang Berhormat.

Merespons kepada cadangan tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman berkata, ia adalah suatu saranan yang mungkin berupa terbuka kepada awam untuk menilainya dan penilaiannya kalau dikira banyak yang *pros* tentu ada yang mengharapkan sedemikian itu.

"Harapan sedemikian itulah harapan dari kementerian sendiri juga kerana setiap anggota daripada warga kementerian terutama sekali yang mempunyai kelayakan-kelayakan mengajar dan sebagainya.

"Ertinya mendapat tempat di hati masyarakat sebagai orang yang dipercayai dalam perkara agama kerana mereka itu guru untuk terlibat dalam hal-hal kemasyarakatan kampung dan sekitar tadahan sekolah.

"Dalam tadahan sekolah itu ialah masjid. Masjid itu ada tadahannya namanya kariahnya termasuk sekolah. Jadi ada baiknya yang *kitani* harapkan terutama sekali mereka akan aktif dalam Jawatankuasa Takmir, itu yang *kitani* harapkan. Dengan sedemikian akan lebih banyak lagi idea-idea yang dapat dikumpulkan oleh jawatankuasa itu untuk mentakmirkan masjid," terang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pentakmiran masjid itu tambah Yang Berhormat juga turut dicadangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat sebelumnya yang mencadangkan beberapa program.

"Tinggal saja lagi sekarang ini kita dalam permesyuaratan, ada baiknya idea-idea sedemikian nanti Yang Berhormat sudah tentu ada *basenya* di tempat kampung beliau dan Yang Berhormat ada juga *basenya*. Dalam erti kata kalau orang menyebut 'akar umbi', tidak *kitani* menyebut sebagai penyokong-penyokong kerana 'galak' bunyinya.

"Sebagai akar umbi untuk bersama-sama memikirkan, yang *kitani* ketahui kegiatan yang sudah teratur pada masa ini, beliau dan Muslimahnya dan beberapa program yang diatur oleh pegawai-pegawai masjid itu sendiri.

"Untuk memperbanyakkan dan lebih menyusun baik, mungkin idea-idea baharu dari kalangan yang baru terlibat adalah sangat dialu-alukan," ujar Yang Berhormat menambah.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali



AHLI-ahli MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

juga mencadangkan agar peranan masjid diperkasa sebagai pusat penyebaran ilmu dan dibekalkan dengan rujukan ilmiah dan capaian internet bagi menarik golongan belia dan remaja hadir ke masjid untuk mengikuti program-program yang dianjurkan seperti Malam Munajat Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh negara.

Di samping itu, memperkasa peranan imam dalam menyampaikan dan menegakkan syiar Islam terutama semasa Solat Jumaat. Imam-imam diberikan pendedahan untuk membaca khutbah dan mengimam Solat Jumaat di masjid-masjid yang berlainan dalam satu mukim tertentu.

Ini jelas Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali akan memberikan pengalaman yang lebih meluas kepada para imam dan jemaah.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



TINGKATKAN MUTU IBADAH SEMBAHYANG MENJAMIN KEUTUHAN RUMAH TANGGA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Berhubung dengan kes perceraian, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan bahawa daripada angka statistik pada tahun 2019, kes perceraian adalah sebanyak 624 kes, yang paling tertinggi dan kemudian menurun dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Menurut Yang Berhormat, terdapat penurunan dua tahun selepas itu daripada 624 kepada 583.

Sepertimana yang kita maklum, akibat semasa wabak memang pergerakan terbatas menyebabkan kerja-kerja pun terbatas, jadi kes-kes seperti ini banyak tergantung, ada orang *beliur* untuk bercerai tetapi dalam keadaan *macam itu* tidak jadi bercerai.

"Nampak trend semasa COVID-19 itu banyak orang berfikir singkat tetapi oleh kerana itu menurunkan, tidak boleh bergerak ke mana-mana untuk mengadu ke mahkamah jadi tertangguh-tangguh mungkin baik jua," jelas Yang Berhormat lagi ketika membahas persoalan mengenai kes-kes perceraian rumah tangga di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dikemukakan oleh Ahli

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman pada persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi hari ke-11, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

"Itulah kedudukannya dari segi statistik, cuma hendak ditetapkan jenis-jenis apa sebabnya 'payah' untuk disebut. Adakah sebab isteri orang dengan suami orang? Secara imaginasi membayangkan seperti itu. Itu boleh menjadi salah satu sebab tapi berapa banyak, itu belum dapat kaola pastikan di sini.

"Usaha yang dilakukan *dibanar-banari* oleh Bahagian Khidmat Nasihat Rumahtangga di Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu di bawah Jabatan Syariah ialah mengadakan kursus-kursus, mengadakan kesedaran, pelbagai kursus kalau sebelum nikah ada kursus pra-nikah, yang kursus itu pada masa dahulu cuma mengenai hukum hakam mengenai rumah tangga dan sebagainya tetapi tidak meliputi dua hal yang penting," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi.

Walau bagaimanapun dalam beberapa tahun terakhir ini, tambah Yang Berhormat lagi, ia

**Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said**

meliputi dua hal yang penting, iaitu kesedaran kewangan dan kesihatan di mana hal itu termasuk dalam kursus pra-nikah dan kemudian ada kursus selepas perkahwinan, iaitu pasca perkahwinan.

Inilah perisiannya, jelas Yang Berhormat, nasihat-nasihat bagaimana untuk menimbulkan kesedaran untuk menjamin keutuhan rumah tangga, keamanan supaya jangan terjadi misalnya antaranya ialah suami orang melibatkan isteri orang dan sebagainya, itulah antaranya semua dielakkan dengan erti kata kalau ajaran agama ditekankan di sana, iaitu elakkanlah perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah.

"Mungkin juga yang suami mendengar risikan orang, yang isterinya seperti ini. Yang isteri mendengar risikan orang, suaminya seperti ini. Ini satu fitnah dari orang tetapi fitnah dari suami atau isteri itu sendiri, jadi hal-hal seperti itu termasuk dalam kursus pasca perkahwinan.

"Termasuk dalam kursus pasca perkahwinan ini juga melibatkan bagaimana nanti apabila lahir cahaya mata dan sebagainya. Di situlah kesedaran kewangan dan kesedaran kesihatan. Ada juga

taklimat-taklimat tertentu yang bermotifkan 'Keluargaku, Harapanku' supaya kesedaran meningkat ertinya berkeluarga itu untuk masa depan harapan masa hadapan," tegas Yang Berhormat lagi.

Yang terakhir, kata Yang Berhormat ada satu bentuk program yang akan diperkenalkan yang sudah dicuba di peringkat jabatan iaitu berjemaah ertinya menggalakkan jemaah ini salah satu cara jua untuk mensakinahkan, mewaddahkan keluarga antara suami isteri ialah amalan bersembahyang berjemaah.

"Kaola tidak berdasarkan kepada laporan ini Yang Berhormat Pengerusi berdasarkan semasa COVID-19. Pada masa itu, suami yang bekerja di pejabat ataupun tidak bekerja ditetapkan selepas itu tidak bergerak ke mana-mana kalau kan sembahyang. Semasa sebelum musim COVID-19, boleh menunaikan sembahyang di mana-mana masjid, tetapi semasa musim COVID-19 semua masjid ditutup.

"Semasa perintah berkurung dengan sendirinya ada timbul keinginan untuk sembahyang berjemaah bersama ahli keluarga. Itu adalah satu hikmah yang dapat



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

kitani berikutan semasa wabak COVID-19 dan *bisai tah* dilaratkan untuk sembahyang berjemaah bersama keluarga dan mempertingkatkan lagi mutunya," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga mengingatkan jika ibadah seseorang itu sudah meningkat dan bacaannya baik, justeru semakin kita berumur, semakin banyak pendengaran, bacaan dan ingatan kita dalam ilmu juga perlu ditambah.

KHEU berusaha mengurangkan lagi harga pakej haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sudah mencadangkan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Ad hoc dengan berbagai agensi, bukan sahaja jemaah penasihat haji yang memang sedia ada, tetapi di luar daripada itu mungkin ada idea-idea atau ikhtiar lain yang boleh dirumuskan oleh semua pihak yang berkenaan dalam Ad hoc tersebut.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa menjawab pertanyaan yang disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jelas Yang Berhormat, Ad hoc tersebut terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat operasinya iaitu bagi jawatankuasa setiausaha dan setelah ada sokongan-sokongan akan diangkat kepada yang lebih tinggi lagi untuk

sokongan-sokongan yang seterusnya.

"Tetapi dalam urusan haji ini kita mesti menimbang juga apa yang akan dilakukan di tempat yang kita lakukan, kita sampai di Jeddah, di Mekah atau Madinah, tempat-tempat itu adalah hotel. Itu yang penting. Kemudian bila sampai untuk hari mengerjakan haji sebenar-benarnya iaitu di Arafah dan Mina dan lagi satu perkara yang sangat difikirkan. Hal-hal macam ini nampaknya trend," terang Yang Berhormat.

Harga ini katanya, bukan sahaja ditetapkan oleh operator-operator di luar daripada Mekah atau di Madinah tapi ditetapkan mengikut keadaan di sana. Harga-harga sudah melambung tinggi.

Menurut Yang Berhormat, hal sedemikian itu, ada yang tidak dapat dikuasai dan tidak dapat dijamin. Tapi sejauh ini tambang haji tidak memberatkan. Tahun lepas dan tahun sebelumnya pun alhamdulillah sama dan pada tahun ini belum lagi diketahui tapi dipercayai tidak membebankan.

"Usaha-usaha setakat ini adalah untuk memikirkannya. Mudah-mudahan pemikiran akan ditaufikkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan sekurang-kurangnya dapat mencari beberapa cara untuk

menyampaikan hajat kita. Kaola tahu ada dalam kalangan kita sudah mendengar berbagai-bagai cara disarankan di luar negara untuk haji yang akan datang ini.

"Kita perhatikan sejauh mana cara itu praktikal atau tidak, akan dilihat juga oleh Jawatankuasa Ad hoc tersebut. Dari segi tambang dan sebagainya. Tambang itu kaola nyatakan tidaklah sangat mengkhawatirkan kerana tambang itu kalau melihat kepada trend dua tahun terakhir tidak ada kenaikan," ujarinya.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyatakan, KHEU telah berusaha ke arah menjamin atau berusaha ke arah mengurangkan lagi harga pakej haji yang pada masa ini setahun demi setahun bertambah.

Berkaitan dengan bantuan kepada saudara-saudara baharu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa mereka memang diberikan bantuan. Dalam erti kata Skim Kurnia Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi saudara-saudara baharu yang memeluk agama Islam tidak kurang 10 tahun dengan syarat-syarat yang ditentukan iaitu bagi lelaki berumur tidak kurang 40 tahun

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said**

dan bagi wanita berumur tidak kurang 45 tahun.

Mereka akan ditentukan dari segi kelayakan dan kebolehan, ada jawatankuasa yang menimbang, menilai dan menentukan ketentuannya daripada sebegini ramai pemohon. Mereka akan ditentukan secara adil. Ini tambahnya, sesuai dengan peraturan-peraturan yang berjalan pada masa dahulu di Saudi Arabia tetapi pada masa ini dibebaskan sahaja. Kita melihat dari segi banyak aspek,

aspek kebajikan bahkan aspek syarak.

"Bagi kita, mereka yang belum akil baligh misalnya bukan wajib baginya menunaikan haji. Yang pasti mereka itu belum pernah menunaikan ibadah haji. Namanya bantuan, sudah naik haji maka sudah selesailah rukun Islam yang kelima Kalau ada yang sedemikian berlaku ataupun layak, bolehlah mereka mengemukakannya kepada Setiausaha Majlis Ugama Islam," kata Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Dewan Majlis.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PELBAGAI KEGIATAN DILAKSANAKAN BAGI MENGIMARAHKAN MASJID

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kegiatan mengimarahkan masjid yang melibatkan belia-belia dan penduduk kampung serta umat Islam di Negara Brunei Darussalam amnya masih kekal relevan diamalkan dengan adanya program jemaah mengkhataam Al-Quran dan ada program yang tetap setiap malam Jumaat membaca Yaa Siin dan Tahliil dan pada paginya membaca Surah Al-Kahfi dan sebagainya.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Di samping adanya program dan cadangan yang sangat baik itu dapat memberikan satu corak baharu kepada masjid, terutama dengan adanya penglibatan para belia masjid dipandu oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) ada belia keagamaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyambut baik cadangan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan pada membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023/2024 Kementerian Hal Ehwal Ugama pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN, yang diadakan di

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini petang tadi.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz juga mencadangkan untuk mewujudkan program khusus yang dipandu oleh KHEU dengan usaha sama biro-biro keagamaan Majlis Perundingan Kampung (MPK), persatuan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO's) sebagai program keagamaan bersepadu di peringkat daerah dan kebangsaan, dan dalam masa yang sama menyasarkan masjid-masjid yang terpinggir dan kurang diketahui umum untuk dipertingkatkan kepelbagaian aktiviti mengikut kesesuaian semasa selagi ia tidak melanggar syariat Islam.

Dalam pada itu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan salah satu peluang ialah sewaktu bulan Ramadan yang mana masjid-masjid mempunyai tempat lapang untuk digunakan dengan sebaiknya, misalannya gerai-gerai Ramadan, namun ada aturan-aturan yang mesti dikenakan supaya suasana masjid tidak menjadi suasana bazar atau suasana gerai-gerai dan sebagainya, tetapi idea ini boleh dicuba dengan peraturan-peraturan yang baik.

Berbalik semula pada penglibatan belia jelas Yang Berhormat, banyak cara yang ditunjukkan oleh belia-belia masjid antaranya KHEU ada mengadakan Malam Sastera Islam pada setiap tahun namun ia agak terbatas disebabkan kehadiran hanya beberapa peserta sahaja, namun program seumpama ini bolehlah diperluaskan dan diadunkan dengan pemikiran dan cadangan Yang Berhormat Ahli MMN tadi.

Menyentuh mengenai Skim Perkhidmatan Guru Ugama (SPGU) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz berkenaan dengan syarat-syarat penetapan jawatan yang berhubung kait dengan pertimbangan bagi mendapatkan inisiatif di bawah Skim SPGU, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerangkan skim SPGU pada masa ini sudah dalam proses perlaksanaannya dan sudah ribuan guru yang sudah masuk ke skim berkenaan dan banyak lagi yang sedang menunggu sama ada mereka itu sudah tersenarai dalam orang yang sudah dicerap yang boleh disokong tapi sokongan itu tidaklah dibuat serentak.

"Kalau dihantar 100 atau 200



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

orang, maka tidak akan terus diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk masuk ke dalam skim tersebut, ia *berincit-incit* dan tempohnya itu yang penting.

"Kaola dapat memahami ada kalangan guru-guru yang merasakan dirinya layak tetapi tidak terpilih. Kaola tidak dapat ikut campur kerana ada lembaga yang ada sukatan-sukatan dan kaola percaya semua dalam dewan ini patut memberikan kepercayaan mereka melaksanakan tugas dengan adil, insyaaAllah," terang Yang Berhormat lagi mengakhiri perbincangan pertama.

Kekurangan kemudahan masjid ditangani dengan segera



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini petang tadi, Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir telah mengemukakan beberapa perkara yang membangkitkan antaranya isu kekurangan kereta jenazah di Daerah Temburong yang menurutnya bukanlah isu baharu dan sewajarnya ditangani

dengan segera.

Menjawab mengenai persoalan itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman turut mengambil maklum dan mengakui perkara itu akan menjadi kesulitan jika kebetulan berlaku kedukaan secara serentak.

"Kaola rasa Jabatan Hal Ehwal Masjid dapat menimbangkan perkara ini dan insyaaAllah dapat kaola catatkan sedemikian. Biasanya kekurangan-kekurangan seperti ini dapat ditampungi oleh sama ada melalui derma tetapi mereka boleh mengumpulkannya sebagai sedekah yang diniatkan sebagai wakaf untuk kereta.

"Di Daerah Temburong, masjid-masjidnya kecil dan jemaah-jemaahnya tidak ramai, oleh itu pendapatan masjid tidak sebanyak mana. Kaola merasakan saranan ataupun cadangan permintaan ini adalah relevan untuk dipertimbangkan," ujar Yang Berhormat Pehin.

Menyentuh mengenai isu permukaan Tanah Perkuburan Orang-orang Islam di daerah-daerah yang mana terdapat tanah-tanah yang keras atau berbatu-batu sehingga menyulitkan proses penggalian dan pengorekan tanah-tanah

kubur dan memohon agar pihak kerajaan dapat menyediakan jentera pengorek atau *excavator* yang bersesuaian, menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama perkara itu tidak dapat dijanji akan dapat diadakan tetapi akan dikaji sejauh mana untuk diadakan di Temburong dan di daerah-daerah lain yang berkeadaan sedemikian.

Dalam pada itu, Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman turut menyuarakan berkenaan projek pembinaan Pusat Dakwah di Kampung Senukoh, Mukim Labu yang mana menurut Yang Berhormat bahawa ia bukan tergendala cuma dalam keadaan tertentu seperti semasa keadaan COVID-19, projek tersebut lambat untuk dimulakan namun insyaaAllah pada bulan April sudah ada ketetapan untuk melaksanakan perancangan tersebut kerana ada keperluan bagi Pusat Kegiatan Ugama di Kampung Senukoh.

Dan terakhir mengenai papan-papan tanda menuju ke masjid-masjid terutamanya masjid-masjid yang jauh dari jalan utama dan masuk ke dalam perkampungan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengakui kaedah papan-papan tanda ini adalah perlu dan bukan sahaja untuk kegunaan masjid, malah di jalan-jalannya.

MUIB bertanggungjawab dalam pengurusan zakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Fungsi Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) adalah banyak dan yang sangat mencabar ialah hal ehwal pengurusan zakat, yang mana banyak perkara yang tertangguh dan lambat diselesaikan disebabkan kekurangan tenaga kerja di bahagian tersebut sedangkan permohonan asnaf zakat semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Perkara itu digariskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN, yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini petang tadi ketika membincangkan di bawah tajuk Rang Undang-undang Perbekalan 2023/2024 Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Yang Berhormat menekankan tentang proses penilaian permohonan asnaf zakat sahaja dan permohonan untuk menyambung bantuan zakat memakan masa bertahun-tahun untuk



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

menunggu jawapannya.

Justeru itu, Yang Berhormat berpendapat sudah sampai masanya Bahagian Pengurusan Zakat MUIB ini dinaikkan tarafnya menjadi sebuah jabatan supaya organisasinya boleh dikembangkan serta dapat menyampaikan segala peranan dan fungsinya kepada rakyat di negara ini dengan lebih efisien dan berkesan.

>> Muka 11

"*Bisaitah* ada tanda-tanda yang sempurna seperti jalan-jalan bernama yang tentu dan untuk kegiatan yang lain yang memerlukan papan-papan tanda

seperti masjid, sekolah dan sebagainya. Bolehlah dipertimbangkan dan sesuai untuk diadakan, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2023 / 2024 Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah diperuntukkan sebanyak BND270,258,865.00 juta.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dalam Mukadimahya menjelaskan bahawa peruntukan dalam anggaran yang disokong untuk KHEU adalah bagi mendukung

BERI IMPAK POSITIF TERHADAP KESEJAHTERAAN RAKYAT

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

program-program yang walaupun namanya khusus bersifat keagamaan, namun ia berimpak positif terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan keselamatan negara iaitu keutuhannya.

"Sementara mensejahterakan rakyat adalah dengan memenuhi keperluan asasinya di samping memeduli keperluan-keperluan lain bagi memberi makna dan menambah atau meningkatkan terus kesempurnaan, kesejahteraan mereka yang sedia ada," jelas Yang Berhormat pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini petang tadi.

Jelas Yang Berhormat, dalam konteks rakyat Negara Brunei Darussalam adalah

menepati maksud tujuan dan sasaran-sasaran yang utama lima Maqasid Syariah iaitu : 1. Menjaga ugama; 2. Menjaga nyawa; 3. Menjaga akal (intelekt); 4. Menjaga harta; dan 5. Menjaga keturunan iaitu dalam makna memelihara keturunan umat manusia, kesinambungannya, memastikan kelangsungannya, kelangsungan generasi demi generasi umat manusia yang sempurna kemanusiaannya.

Menurut Yang Berhormat, KHEU akan memanfaatkan peruntukan yang diberikan itu untuk melaksanakan program-program keagamaan menurut bidang-bidang yang diterajui dan akan memastikan selaras dengan tema Belanjawan Negara 2023/2024, 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' dalam tiga fokus yang telah dibentangkan iaitu: i. Memelihara kesejahteraan awam; ii. Mendukung pemulihan negara yang inklusif dan berdaya tahan; dan iii. Pembangunan modal insan yang dinamik, proaktif dan inovatif.

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Jelas Yang Berhormat lagi, tujuan belanjawan tersebut dibentangkan adalah bertujuan untuk mendatangkan kebaikan dengan memenuhi keperluan bagi mencapai kemajuan yang seimbang demi keutuhan negara dan kesejahteraan rakyat.

"Keutuhan negara ialah keselamatannya, kesejahteraan rakyat ialah kesejahteraan hidupnya, sihat dalam persekitaran yang bersih dan baik, indah dan nyaman, hormat dan aman. Dalam pada masa yang sama, keperluan asasinya terjamin di samping keperluan lainnya juga dipedulikan. Sedemikian itu yang dirancang yang diprogramkan dalam belanjawan yang diperuntukkan," jelas Yang Berhormat.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, negara beraja, beradat istiadat, negara berakidah dan negara berkebakikan, Yang Berhormat menyifatkan bahawa

belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II baru-baru ini seperti juga belanjawan yang terdahulu menepati tuntutan ajaran ugama Islam.

"Ia jelas merupakan belanjawan untuk mendukung program-program Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kepentingan mengembangkannya negara dengan kemajuan yang seimbang dan bertujuan untuk mensejahterakan rakyat. Kemajuan yang seimbang bagi negara ialah terjamin keutuhannya dan aman sejahtera rakyatnya yang mana rakyatnya berkehidupan dalam persekitaran yang bersih, sihat dan selamat," ujar Yang Berhormat.

Pendidikan agama secara bersistem

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Dalam tempoh enam dekad, rakyat di Negara Brunei Darussalam (NBD) mendapat pendedahan dan pengaruh yang positif menerusi pelajaran dan pendidikan agama secara bersistem.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa membentangkan Mukadimah Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Maksud pendidikan secara bersistem itu ialah pengajarannya oleh guru yang berkelayakan mengajar agama menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan Mazhab Syafi'e, menerusi persekolahan formal dengan ditentukan sukatan dan kurikulumnya, bukan dan tidak belajar agama secara *memutik-mutik* yang tidak diketahui hujung pangkalnya yang memungkinkan fahaman dan amalan yang beragam-ragam," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, fahaman dan amalan yang beragam-ragam itu dalam mengamalkan agama dan memahami agama dapat terhindar di negara ini berkat adanya pendidikan agama yang formal.

Yang Berhormat turut *meristakan* bahawa mata-mata pelajaran persekolahan menengah agama Arab adalah

merangkumi mata-mata pelajaran umum dan agama. Kelihatannya berat dan memang membebankan murid dan pelajar tetapi ternyata mereka dapat mengikutinya.

"Dilihat kepada pencapaian dalam mata-mata pelajaran umum peperiksaan awam bagi peringkat-peringkat Sijil PSR yang sebanding dengannya iaitu SSRU bagi aliran agama, membawalah ke peringkat menengah Brunei Cambridge Peringkat 'O' dan Peringkat 'A' yang sebanding dengan Sijil Pelajaran Ugama Brunei dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei adalah hasil daripada penyertaan mereka dalam peperiksaan awam bagi sijil-sijil tersebut adalah tidak mengecewakan walaupun tidak sepenuhnya membanggakan namun sangat memberangsangkan," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, tidak sepenuhnya membanggakan namun memuaskan dan memberangsangkan maknanya masih ada keperluan-keperluan untuk membaiki dan meningkatkan dari banyak segi persekolahan, murid dan guru bahkan juga ibu bapa.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan bahawa antara bidang utama yang diterajui oleh KHEU ialah pelajaran dan pendidikan Islam. Ia dilaksanakan melalui sekolah agama dan arab menerusi Pengajian Tinggi Islam di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan menerusi Pengajian Hafazan Al-Quran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

"Seperti lazimnya, dalam Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2023/2024, peruntukan telah disediakan untuk mendukung urus

tadbirnya dan melaksanakan program-programnya di bawah tajuk Pemeliharaan (Promosi Aqal) iaitu sejumlah \$201,255,681.00 juta. Yang sedemikian adalah menandakan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kelangsungan pendidikan dan persekolahan agama arab khasnya seperti yang telah diasaskan oleh ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien 60 tahun dahulu," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat kepentingan persekolahan agama itu telah ditekankan lagi bagi kelangsungannya sebagai institusi pendidikan agama melalui Akta Pendidikan Ugama Wajib 2013. Peruntukan (1) Akta berkenaan menyebutkan bahawa tiap-tiap ibu bapa jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah agama pada 1 Januari dalam tahun bersekolah semasa, memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah agama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan wajib.

Ujar Yang Berhormat lagi, tempoh pendidikan wajib itu ditafsirkan dalam Peruntukan (3) akta berkenaan. Tempoh pendidikan agama yang disediakan itu ialah sebuah sekolah agama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 hingga 8 tahun.

MUIB bertanggungjawab dalam pengurusan zakat

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 10

Bukan itu sahaja, malah MUIB itu sendiri wajar dinaikkan taraf sebagai organisasi yang *independent* kerana jika ditinjau kepada fungsi MUIB, dipadati fungsi tersebut adalah lebih jauh besar dari sebuah jabatan.

Perkara itu mendapat perhatian Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang kemudian menjelaskan fungsi terbesar MUIB adalah zakat.

Kedudukan MUIB jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama adalah sebuah lembaga yang ada undang-undang tubuhnya sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Awang Amran itu, dan dalam perlembagaan kedudukannya adalah sebagai penasihat yang tertinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi dalam hal ehwal ugama.

"Apakah kedudukannya sekarang ini tidak praktikal sehingga lahir pemikiran daripada Yang Berhormat Awang Amran supaya dijadikan *independent body*. Jadi, perkataan *independent* itu sukar untuk dilihat kerana MUIB memang sudah *independent*, dan MUIB itu adalah untuk menaungi kegiatan-kegiatan ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)," tegas Yang Berhormat Pehin.

Tetapi oleh kerana pentadbirannya diletakkan di bawah KHEU terang Yang Berhormat Menteri, maka ia tetap bebas dan *independent* kerana tanggungjawabnya bukan langsung kepada KHEU.

KHEU cuma pelaksana kepada rancangan-rancangan yang diluluskan oleh MUIB atau apa-apa perkara yang telah disebarkan atau yang dihadapkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ada perkenan untuk dilaksanakan. Jadi pelaksanaannya adalah oleh KHEU.

Satu aspek daripada fungsinya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Amran adalah zakat, dan zakat jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sudah dalam usaha-usaha untuk menubuhkan Jabatan Zakat.

"Sudah ada ketetapan dan sudah ada langkah-langkah untuk merealisasikan penubuhan jabatan tersebut, yang mana dengan penubuhan itu, MUIB akan lebih kelihatan berfungsi di samping ia di bawah KHEU tetapi fungsinya zakatnya itu akan lancar.

"Kalau inilah ditunggu-tunggukan maka mudah-mudahanlah, kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar penubuhan Jabatan Zakat itu akan terlaksana dalam masa yang tidak lama lagi, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat Pehin.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PEMBEKALAN ELEKTRIK DIUTAMAKAN KEPADA PMKS

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji



Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof seterusnya menjelaskan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, JPM mengalu-alukan pihak autoriti yang berkenaan untuk mengongsikan terlebih awal semua perancangan yang menjurus kepada permintaan bekalan elektrik PMKS di bawah sektor masing-masing untuk penyelarasan infrastruktur bertepatan dengan permintaan yang diperlukan.

"Pada masa ini, kaola juga ingin

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof.

mengongsikan bahawa Jabatan Perkhidmatan Elektrik, JPM telah pun membekalkan kuasa elektrik kepada beberapa pengusaha. Ada yang dalam peringkat pelaksanaan dan ada juga peringkat perancangan," ujar Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi pada hari ke-10 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa menjawab isu yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya berkata ke arah ini, Jabatan

Perkhidmatan Elektrik, JPM akan selalu bekerjasama rapat dengan pihak-pihak Kementerian yang lain bagi memastikan perancangan yang holistik dan sejajar dengan pembangunan PMKS.

Dalam pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat, adalah juga wajar bagi pengusaha yang bergantung kepada bekalan elektrik dan berkemungkinan menghadapi risiko yang serupa, untuk menyediakan *emergency generator* persendirian sebagai *backup* pada setiap masa sepertimana juga yang sedia dipraktikkan di mana-mana perusahaan pada masa ini.

"Di kesempatan ini, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, JPM mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian - kementerian berkenaan dan juga para pengusaha untuk mengadakan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

muzakarah bagi sama membincangkan perkara yang berkepentingan ini dengan lebih terperinci," ujar Yang Berhormat lagi.

Prestasi keluaran Sektor Pertanian, Perikanan meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Antara pencapaian yang telah dicapai oleh Sektor Pertanian dalam merealisasikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 tahun lepas, secara keseluruhannya prestasi keluaran Sektor Pertanian dan juga perikanan adalah meningkat dari tahun ke tahun.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan perkara berkenaan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

pada hari ke-10 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis mengenai keberkesanan usaha Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melaksanakan sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 Majlis Mesyuarat Negara Majlis Tahun 2018.

"Sebagai contoh pada tahun 2021, ia BND781.26 juta dan tahun 2022 telah meningkat sebanyak 3 peratus kepada BND857 juta.

"InsyaaAllah abis kaola mempunyai *target* untuk mencapai BND1 bilion dalam beberapa tahun lagi. Itulah cadangan *target* yang ingin dicapai oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.



Di samping itu, tambah Yang Berhormat pada ketika ini sudah mengeksport keluaran-keluaran pertanian seperti yang dinyatakan bermula tahun lepas November 2022 sudah mulai mengeksport telur ke Singapura dan juga akan terus mengeksport telur bukan sahaja ke Singapura tetapi kepada negeri-negeri lain dan terdapat juga penglibatan banyak anak belia di mana seramai 162 belia telah ikut serta dalam pertanian pada tahun 2022 jika dibanding seramai 137 belia yang telah berkecimpung pada tahun 2021.

Dari segi penanaman padi pula, ujar Yang Berhormat lagi produktiviti telah meningkat daripada 1 hingga 2 tan kepada 4 ke 5 tan pada tahun lepas dan dalam sedikit masa lagi akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 7 ke 8 tan satu hektar.

3,000 hektar ditawarkan kepada pengusaha, pelabur asing, tempatan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata bahawa objektif utama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) ialah bagi memastikan peningkatan hasil sumber makanan sendiri, di samping itu mengukuhkan *value chain* industri di negara ini daripada *input* kepada pengeluaran ke pemasaran.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada pada hari ke-10 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis,



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

di sini.

Di samping untuk mengukuhkan pengeluaran dalam negara ini, pihak kementerian juga bekerjasama dengan para pengimport dalam mempelbagaikan sumber import makanan.

Usaha sama menghasilkan makanan luar negara, pihak KSSUP dengan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga meneliti kemungkinan tersebut terutama di negara jiran.

"Dari segi menjemput FDI dan juga 'Role of GLC' untuk sama-sama mengukuh lagi terutama dalam sumber pengeluaran makanan.

"Itu memang sudah dipraktikkan daripada pihak BEDB, DARE, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, semua bekerjasama bagi memastikan ada FDI untuk datang ke negara ini bukan sahaja untuk melabur malah juga untuk memperkenalkan teknologi-teknologi baharu jadi supaya industri *kitani* ini pertanian dan perikanan mempunyai produktiviti yang tinggi.

"Begitu juga Role GLC masa ini, memang ada yang projek-projek itu besar yang memakan belanja tinggi di mana GLC ikut serta dalam melabur dan cuba untuk meningkatkan produktiviti hasil makanan negara. Itu sudah diusahakan secara berterusan," ujar Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

>> Muka 13

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



SUBSIDI KERAJAAN UNTUK MESIN PERTANIAN

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. – Sebahagian kawasan yang sudah menjalankan perusahaan, secara moden dengan menggunakan mesin dan ada yang masih secara tradisional.

Antara punca pengusaha persendirian menggunakan cara lama ini adalah disebabkan kawasan tanah tidak dapat dimasuki mesin membaja, menanam atau mengetam. Ini salah satu perkara yang mendorong kurangnya hasil berbanding secara moden.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong



mengemukakan persoalan mengenai ketiadaan pemberian khidmat tersebut dan bagaimanakah keberadaan mesin-mesin itu? Adakah ia disimpan untuk digunakan semula atau tidak.

Untuk menjawab isu yang telah dibangkitkan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menjelaskan bahawa penggunaan mesin pada kawasan tertentu, sesetengah kawasan tidak sesuai untuk digunakan.

"Kerana sebagai contoh tanah tersebut belum lagi *properly settle*, jadi kebanyakannya terutamanya kawasan-kawasan yang baharu dibuka. Jika kawasan tersebut belum lagi *settle* ia boleh menyebabkan tanah turun dan boleh menyebabkan mesin 'terkubur'.

"Ada baiknya pihak Yang Berhormat, *specifiy* tempatnya supaya Jabatan Pertanian dan

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Agrimakanan untuk melihat dan meneliti kawasan tersebut dan mencadangkan *way forward*," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi pada hari ke-10 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, bagi mesin yang tidak disediakan oleh pihak jabatan dan juga pada masa ini diswastakan. Jika dilihat dari segi subsidi padi, banyak kosnya kepada kerajaan.

Disebabkan oleh produktiviti sudah meningkat, tambah Yang Berhormat, produktiviti masa dulu sebanyak 1 ke 2 tan saja, jadi ertinya margin pada masa itu memang rendah keuntungannya.

Tapi sekarang ini, tambah Yang Berhormat, dengan adanya padi yang mempunyai *yield* yang tinggi, produktiviti yang tinggi, terdapat keuntungan yang lebih tinggi. Apabila sudah mencapai sebanyak 4 ke 5 tan, difikirkan sudah memadai bagi syarikat-syarikat, peladang-peladang padi untuk menggunakan perbelanjaan sendiri untuk menyediakan mesin di kawasan penanaman padi.

"Kalau dikira pembelian baja masih lagi di subsidi oleh kerajaan. Pembelian padi pun masih lagi *heavily subsidise* oleh kerajaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Di samping itu juga, jelas

Yang Berhormat, penjualan benih-benih padi pun masih subsidi kerajaan ertinya sudah dipertimbangkan, diteliti memandangkan produktiviti telah meningkat sebanyak 2 ke 3 tan. Ini adalah berpatutan mesin ini dibeli oleh pengusaha-pengusaha sendiri.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

3,000 hektar ditawarkan kepada pengusaha, pelabur asing, tempatan

>> Muka 12

Yang Berhormat seterusnya menambah, dari segi membanyakkan tempat ladang, memang pada masa ini gizet di bawah pertanian dan agrimakanan melebihi 9,000 hektar di Kawasan Kemajuan Pertanian.

Di mana sebanyak 64 peratus telah pun digunakan oleh pengusaha-pengusaha dan juga yang *relate* kepada pertanian dan perikanan.

Pada masa ini, masih ada terbuka 3,000 hektar yang belum dibuka iaitu sebanyak 36 peratus yang akan ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha atau pelabur-pelabur asing dan juga pelabur tempatan.

Ini katanya, memang ini diakui juga pentingnya ada pasaran yang lebih untuk kebaikan bagi peladang-peladang untuk mengusahakan ladang mereka. Adalah menjadi keutamaan bagi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk memilih lokasi ladang baharu dengan memastikan infrastruktur awal ada disediakan.

Tambahnya, mana-mana ladang yang akan dibuka akan disediakan infrastruktur seperti bekalan elektrik utama, bekalan air domestik dan juga jalan utama itulah yang seperti lazimnya akan dibuka *dipromote* dan juga disediakan infrastruktur asas untuk membolehkan pihak pengusaha *start* mengusahakan perusahaan mereka.

Pada persoalan mengenai usaha-usaha proaktif pihak KSSUP memperkenalkan *safety standard* SHENA dalam Industri Pertanian.

Yang Berhormat menjawab, dengan mengutamakan keselamatan termasuk kepada peladang-peladang. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menekankan para peladang untuk mengamalkan amalan pertanian yang baik, yang mana melibatkan penyimpanan racun dan baja dengan betul.

Pengurusan ladang termasuk penggunaan racun dengan betul dan pengawalan kualiti selepas tuai termasuk memastikan sample tidak tercemar dengan sisa baki racun melebihi maksimum *national limit* yang dibenarkan.

Di samping itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga menganjurkan program khusus bagi meningkatkan kesedaran kepentingan keselamatan semasa menggunakan racun kimia serta melatih peladang berkenaan tatacara penggunaan racun kimia pertanian yang betul atau *pesticide application training*.

Program ini, jelas Yang Berhormat, memfokuskan penggunaan racun kimia dengan betul dengan menerangkan elemen-elemen penting yang ada di dalam label racun seperti kelas racun bahaya, kandungan racun iaitu bahan aktif, kadar sukatan, jarak penggunaan dan tempoh pemetikan hasil.

Peserta program, kata Yang Berhormat, juga diajarkan kepentingan menggunakan Personal Protective Equipment (PPE) ketika menjalani penyemburan racun kimia. Kursus ini dilaksanakan setiap tahun di ke semua daerah di negara ini.

Isu permintaan tinggi terhadap bekalan baja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac.- Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong membangkitkan isu mengenai kekurangan baja.

Ada baja yang diperlukan yang dijual dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sering tidak mencukupi. Setiap kali pengusaha cuba untuk mendapatkannya, stok sudah habis dan mereka perlu membeli di kedai dengan harga yang mahal tanpa subsidi.

Membahas isu ini, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin menyatakan bahawa baja yang tidak cukup, akan diteliti.

"*The whole demand* of baja pada masa ini tinggi di seluruh negara, bukan sahaja bahagian padi malah peladang-peladang lain. Itulah sebabnya kekurangan baja.

"Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan akan mereview lagi *interm of* bekalan *supply* baja ini. Bagaimana caranya untuk mengatasi dan membolehkan baja-baja ini di distribute kepada peladang-peladang yang kecil-kecilan," jelas Yang Berhormat semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN bagi Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi pada hari ke-10 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sejak adanya Brunei Fertiliser Industry, yang pada masa ini menjual baja yang lebih *competitive* daripada jualan biasa, komersial, yang diimport.

Yang Berhormat menyarankan peladang-peladang berhubung dengan Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. yang ada pada ketika ini di mana mereka adalah *sole distributor* bagi baja-baja Urea di negara ini.

ANTARA yang hadir pada persidangan MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.



MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KE-19 MAJLIS MESYUARAT
NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI
LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.

SEMAI SEMANGAT CINTAKAN AL-QURAN AL-KARIM



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39. Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; peringkat kepimpinan; para pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB (kiri dan kanan).

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 17 Mac. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran hari ini bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 bertempat di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, yang juga memulakan majlis dengan memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan disusuli dengan Dikir Marhaban dan Doa Khatam Al-Quran yang diketuai oleh Pengarah Jabatanarah Agama

ABDB (JAMA'AT), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim.

Tazkirah bertajuk 'Persiapan Bagi Ramadan' menyerikan lagi acara pada pagi tadi yang disampaikan oleh Kapten Md. Farid bin Md. Raffi yang antara lain menyatakan Ramadan antara bulan yang ditunggu-tunggu oleh sekalian umat Islam dan bulan ini mempunyai kelebihan daripada bulan-bulan yang lain dan juga merupakan peluang untuk melipatgandakan lagi amal ibadat kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala sama ada amalan-amalan fardu dan sunat.

Menurut Kapten Md. Farid, antara amalan-amalan yang dianjurkan pada bulan Ramadan itu antaranya sunat untuk bersahur dan ia mengandungi keberkatan, memperbanyakkan amalan sedekah dan kita juga

menghidupkan malam Ramadan dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Secara Berjemaah di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat.

Kapten Md. Farid seterusnya menegaskan agar tidak sesekali meninggalkan Sembahyang Sunat Witir kerana ia merupakan sembahyang sunat muakkadah (sunat yang dituntut) yang mengiringi dengan Sembahyang Sunat Tarawih.

Tambahnya lagi, Ramadan merupakan bulan Al-Quran dan oleh itu, perbanyakkanlah membaca Al-Quran, raihlah peluang untuk khatam Al-Quran sekurang-kurangnya satu juz setiap hari agar dapat khatam Al-Quran sekali dalam bulan Ramadan.

"Jadikanlah bulan Ramadan yang akan tiba ini sebagai penggerak yang membawa kepada

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



perubahan yang besar dalam diri kita dan mampu mendidik hati dan jiwa kita untuk sentiasa patuh mengerjakan segala yang diperintah dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Mudah-mudahan ibadat puasa yang kita kerjakan sepanjang bulan Ramadan ini diterima dan mendapat ganjaran serta keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala," katanya lagi.

Juga hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan;

peringkat kepimpinan; para pegawai dan anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis tahunan berkenaan adalah bertujuan bagi menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan memanjat doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala untuk keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam serta mengagungkan kesucian Al-Quran Al-Karim.

Pada masa yang sama, menyemai semangat mencintai dan menghayati Al-Quran Al-Karim dalam kalangan pegawai, kakitangan serta anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

178 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Sebanyak 178 kes COVID-19 disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 279,656.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak satu kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala, tidak ada kes di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 17 Mac 2023, sebanyak 88.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.8 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.1 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 12.0 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



JPMC, MPK Jerudong bersihkan tanah perkuburan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' dan 'B' petang tadi menganjurkan kempen pembersihan tanah perkuburan, sempena bulan Ramadan yang bakal menjelang tiba.

Hadir menyertai kempen yang diadakan di Tanah Perkuburan Islam Jelutong, Kampung Jerudong tersebut ialah Timbalan Pengarah Perubatan, JPMC, Dr. Muhammad Hiza Wardy bin Haji Abd Halim selaku tetamu kehormat majlis.

Kempen yang disertai lebih 50 kakitangan JPMC, dan juga daripada Independent Bimmer Brunei dan Vellfire Alphard Brunei itu, dimulakan dengan aktiviti pembersihan di kawasan tanah perkuburan dan kemudian diselajurkan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diketuai oleh Eksekutif Sumber Manusia JPMC, Awang Muhammad Amin bin Haji Mahari.

Kempen itu merupakan sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi Ramadan Jubli Perak Ke-25 Tahun.

Melalui kempen tersebut diharap



PUSAT Perubatan Jerudong Park (JPMC) dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'A' dan 'B' menganjurkan kempen pembersihan tanah perkuburan, diselajurkan dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

akan terus menjadi sebahagian daripada inisiatif amal JPMC, bertujuan untuk memupuk semangat khidmat dan kerja berpasukan dalam kalangan

kakitangan serta semangat untuk berbakti kepada masyarakat, di samping merancang lebih banyak aktiviti dalam bulan Ramadhan tahun ini.

Ramadan peluang menyucikan hati, jiwa



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Program Negaraku Berzikir berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. Program diisikan dengan tazkirah bertajuk 'Ku Mengharapkan Ramadan Kali Ini Penuh Makna' disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi (kiri dan kanan).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Zikrullah merupakan penyucian dalam hati dan jiwa, zikir yang dilafazkan dengan tenang dan tenteram akan melahirkan hati yang baik dan suci manakala jati yang sakit pula melahirkan perbuatan yang tidak elok dan jahat.

Tazkirah bertajuk 'Ku Mengharapkan Ramadan Kali Ini

Penuh Makna' juga menerangkan Ramadan bukan terhad kepada ahli ibadah sahaja malah terbuka untuk semua bahkan kepada ahli maksiat sekali pun, kerana bulan kerahmatan inilah peluang yang Allah kurniakan kepada semua hamba-Nya.

Oleh itu, Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi

menasihatkan supaya memanfaatkan ia sebaik mungkin pada bulan yang penuh pengampunan.

"Pengharapan dalam Ramadan itu penuh makna dan justeru itu mesti ada usaha dan kesungguhan termasuk usaha itu dalam persediaan kita.

"Di bulan inilah juga, masa yang sesuai untuk menyucikan hati dan jiwa selain kita wajar berlumba-lumba ke arah melakukan kebajikan dan kita

gandakan dan pertingkatkan lagi amal ibadah kita di bulan Al-Mubarak itu nanti," katanya pada Program Negaraku Berzikir berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, lewat petang tadi.

Ahmad Muzhafar selanjutnya menerangkan berpuasa bukan bererti *survive* dalam mengharungi siang hari tanpa melakukan perkara yang membatalkan puasa.

Sehubungan itu, beliau juga mengingatkan bahawa objektif puasa adalah supaya kita bertakwa, berdoa, bertaubat, meraih sebanyak pahala dan juga berada di kedudukan yang tinggi bersama orang yang bertakwa.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Terdahulu, Majlis Perdana dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Imam Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, Muhammad Tsuufiy bin Haji Abd. Wahab manakala Zikir Ratib Al-Attas dikepalai oleh Ketua Biro Keagamaan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Mohamad Adi Hamdi bin Haji Aminuddin.

Sejurus menunaikan Sembayang Fardu Maghrib Berjemaah, Ahli-ahli Biro Keagamaan KKBT seterusnya beramai-ramai membaca selawat pilihan demi mengimarahkan lagi acara berkenaan.

Doa Munajat, Doa Penutup dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ahli Biro Keagamaan KKBT, Adib Zainul Zaky bin Haji Abdul Manaf.

GRADUAN AWE DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi BEDB dan DARE menyempurnakan penyampaian replika cek kepada peserta Top 3, di mana seramai 30 peserta Academy for Women Entrepreneurs (AWE) Brunei kohort kedua diraikan pada Majlis Graduasi tersebut (atas dan kanan).

JERUDONG, Jumaat, 17 Mac. - Majlis Graduasi bagi para peserta Academy for Women Entrepreneurs (AWE) Brunei kohort kedua, menandakan berakhirnya program selama enam bulan tersebut yang telah dibiayai oleh Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam dan difasilitasi oleh Darussalam Enterprise (DARE).

Majlis graduasi yang berlangsung di Dewan 1 Bridex itu merupakan salah satu acara Festival Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Brunei 2023, iaitu pameran bagi perniagaan-perniagaan tempatan yang diadakan selama empat hari, bermula kelmarin, di Bridex.

Pada majlis tersebut, tiga orang graduan yang memperoleh kedudukan tempat tiga teratas (Top 3) masing-masing menerima pembiayaan *seed funding* berjumlah USD3,000.

Program berkenaan melibatkan

30 peserta yang dipilih daripada 183 pemohon, di mana mereka telah menamatkan 13 modul perniagaan melalui platform latihan dalam talian, DreamBuilder.

DreamBuilder direka oleh Sekolah Pengurusan Global Thunderbird, Universiti Negeri Arizona dan syarikat perlombongan Freeport-McMoRan bagi memberi panduan langkah demi langkah kepada para usahawan dalam memulakan dan memperkembangkan perniagaan mereka melalui kandungan yang interaktif serta praktikal.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan replika cek kepada peserta Top 3 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi Brunei

Economic Development Board (BEDB) dan Darussalam Enterprise (DARE).

Dalam ucapannya, Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn McClelland berkata, idea inovatif dan semangat keusahawanan para peserta program tersebut adalah kenapa pihaknya sangat percaya dalam meneruskan program berkenaan.

Menurutnya, program itu menggabungkan dua matlamat utama mereka iaitu memperkasa para wanita dan membantu Brunei dalam usahanya untuk mempelbagaikan ekonomi melalui keusahawanan.

"AWE merupakan inisiatif Jabatan Negara AS bagi memperkasa para wanita untuk memenuhi potensi ekonomi mereka dan sekali gus mewujudkan keadaan bagi peningkatan terhadap kestabilan,



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

keselamatan dan kemakmuran untuk semua.

"Ia pada masa ini beroperasi di lebih 80 buah negara di seluruh dunia dengan keramaian 15,000 peserta.

Program berkenaan memberikan para pengusaha wanita pengetahuan, rangkaian dan akses yang mereka perlukan untuk melancarkan dan memperkembangkan perniagaan yang berjaya," ujarnya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) BEDB dan DARE, Daniel Leong memberitahu, selain program AWE, beberapa graduan dari kohort pertama telah menyertai Sidang Kemuncak AWE 2023 di Kuala Lumpur, di mana para peserta saling bertukar pengetahuan, kaedah terbaik, di samping memperluaskan kapasiti serta rangkaian mereka dengan 200 orang usahawan wanita berjaya.

Bagi menentukan perniagaan Top 3, sebanyak 17 usahawan telah membuat pembentangan

kepada panel-panel hakim yang terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Awam Kedutaan AS, Jeff Barrus; Ketua Kaunselor Perniagaan Shell LiveWIRE Brunei, Afiq Mohammed; CEO Nextcloud, Agus Muslim; Pengasas Roots, Dilys Chai dan Pengasas Tasanne Fast Food, Jia Chee Lee.

Sesi pembentangan diadakan di Main Auditorium, Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi pada Khamis, 16 Februari yang lalu.

AWE dilancarkan di negara ini pada bulan Oktober 2021 menjelang Sidang Kemuncak ASEAN yang menyaksikan Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi sidang itu, bagi menyokong beberapa matlamat sosioekonomi ASEAN.

AWE dibukakan kepada para usahawan di negara ini yang berumur antara 18 hingga 40 tahun yang baharu memulakan dan menjalankan perniagaan, selain mempunyai latar belakang dan latihan dalam bidang perniagaan yang terhad.

INOVASI KEKAL PENTING UNTUK PERNIAGAAN KEMBALI BERKEMBANG

>> Muka 1

Selaras dengan tema acara iaitu 'Dare to Innovate : Growth and Resilience through Innovation' Yang Berhormat seterusnya menekankan, sudah tiba masanya untuk PMKS keluar daripada situasi wabak yang dihadapi sebelum ini, dengan lebih kuat dan menjadi lebih berdaya tahan dengan menerapkan budaya yang lebih inovatif dalam operasi perniagaan mereka.

Memandangkan inovasi kekal penting untuk perniagaan kembali berkembang, Yang Berhormat berharap sesi perkongsian oleh panel penceramah semasa persidangan hari ini akan membantu untuk memberi inspirasi kepada PMKS untuk terus mengejar inovasi bagi mencapai pertumbuhan selanjutnya, dan untuk lebih ramai usahawan baharu muncul dan membangunkan produk serta perkhidmatan baharu yang diperlukan untuk memacu ekonomi negara ke hadapan.

"Seperti yang kita sedia maklum, pandemik COVID-19 telah banyak memberi kesan kepada kehidupan kebanyakan PMKS kita. Cabaran seperti gangguan rantai bekalan, isu tenaga kerja dan aliran tunai yang tidak stabil, telah menjejaskan kestabilan perniagaan, memaksa mereka mencari cara yang inovatif dan berkesan untuk terus bertahan.

"Ini termasuk memutar model perniagaan mereka untuk menerima teknologi, contohnya,

menerima pakai pembayaran digital untuk transaksi tanpa tunai, dan meneroka pasaran baharu untuk mempelbagaikan aliran pendapatan mereka. Sesetengah perniagaan telah beralih kepada e-dagang, membolehkan mereka menjangkau pelanggan yang tidak dapat atau enggan membeli-belah di kedai," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menambah, ketika kita melangkah mengharungi landskap perniagaan yang sentiasa berubah, adalah penting untuk menyemai tahap semangat keusahawanan yang tinggi, kebolehsuaian dan fleksibiliti dalam mengejar kemampuhan dan pertumbuhan perniagaan.

Tekan Yang Berhormat lagi, para pengusaha tidak seharusnya melupakan setiap peluang yang berpotensi untuk membawa pembangunan mereka ke peringkat seterusnya, ini termasuk peluang untuk membawa perniagaan mereka melangkaui sempadan Brunei secara langsung atau tidak langsung, melalui eksport atau penyertaan dalam rantai nilai antarabangsa, melalui perniagaan francais, atau cara lain.

Hari ini jelas Yang Berhormat, rantai nilai globalisasi telah membuka jalan kepada integrasi yang lebih baik dan hubungan yang mampan antara PMKS dan perusahaan yang lebih besar dengan cara menggalakkan lebih banyak penyertaan PMKS domestik dalam perdagangan antarabangsa sebagai pembekal

barangan dan perkhidmatan kepada perniagaan yang lebih besar.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara, di mana baginda menyeru PMKS supaya berani berkembang ke luar negara bagi menambah nilai kepada ekonomi negara, perniagaan boleh berinovasi dalam pelbagai cara untuk memperoleh keuntungan bertapak di pasaran antarabangsa.

Dengan memfokuskan pada inovasi produk tambah Yang Berhormat, penyesuaian kepada pasaran tempatan, pendigitalan, inovasi rantai bekalan dan inovasi pemasaran, perniagaan boleh meluaskan jangkauan mereka, meningkatkan daya saing mereka dan meletakkan diri mereka untuk kejayaan jangka panjang di pasaran luar negara.

"Kepentingan kritikal dalam memupuk pertumbuhan perniagaan bagi kemajuan ekonomi memerlukan kita untuk bekerjasama dengan lebih berkesan di mana pelbagai peringkat usaha di antara kerajaan dan pembina ekosistem seperti DARE serta sektor swasta termasuk persatuan perdagangan dan perniagaan adalah penting untuk mewujudkan persekitaran



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Pengerusi Brunei Economic Development Board (BEDB) dan Darussalam Enterprise (DARE) semasa Majlis Pelancaran Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam (Brunei MSME Festival) 2023.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

yang membolehkan perniagaan kita untuk bertambah dan berkembang.

"Dengan dasar dan persekitaran kawal selia yang betul untuk PMKS berkembang maju, penyediaan program dan infrastruktur sokongan yang berkesan dan relevan, nasihat perniagaan dan peluang rangkaian yang berkesan, serta minda perniagaan yang betul, saya yakin kita akan dapat membawa PMKS kita ke hadapan pembangunan ekonomi kita dengan cara yang lebih signifikan dan bermakna," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berharap agar lebih ramai lagi para pengusaha tampil ke hadapan dan merebut peluang-peluang yang ada di hadapan mereka, dan menjadi lebih inovatif dan berani dalam mencapai matlamat perniagaan mereka.

Tambah Yang Berhormat, para pengusaha perlu menggunakan festival tersebut sebagai jalan untuk meneroka dan mencipta peluang perniagaan baharu serta membuat beberapa hubungan penting yang akan membantu perniagaan mereka berkembang lebih jauh.

Brunei MSME Festival 2023 platform untuk bangunkan produk, perkhidmatan tempatan

JERUDONG, Khamis, 16 Mac. - Pesta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Negara Brunei Darussalam (Brunei MSME Festival) 2023 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap PMKS dengan menyediakan mereka lebih banyak peluang untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di peringkat kebangsaan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board - BEDB) dan DARE, Daniel Leong semasa Majlis Pelancaran Brunei MSME Festival 2023 bertempat di Bridex Hall 1, di sini.

Selain itu tambahnya, festival tersebut juga menjadi platform bagi mengenal pasti produk dan perkhidmatan tempatan yang berpotensi untuk dibangunkan lagi, sama ada untuk eksport atau penggantian import, di samping menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat dan meningkatkan kesedaran tentang apa yang Darussalam Enterprise (DARE) boleh tawarkan untuk menyokong pembangunan PMKS di negara ini.

Pada masa yang sama menurutnya, festival tersebut juga berfungsi sebagai saluran yang baik untuk pengguna dan pembeli bagi meneroka dan menemui bukan sahaja produk dan perkhidmatan tempatan baharu tetapi juga yang sedia ada mungkin



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga selaku Pengerusi BEDB dan DARE menyaksikan lebih dekat produk-produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh para pengusaha terdiri daripada pengusaha Makanan dan Minuman, Pembuatan, Peruncitan, Fesyen dan Tekstil, Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan pada Brunei MSME Festival 2023 berkenaan. Turut hadir Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri dan kanan).

tidak pernah mereka temui sebelum ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan acara tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi BEDB dan DARE.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Brunei MSME Festival 2023, diadakan selama empat hari

bermula hari ini sehingga Ahad, 19 Mac 2023 bertempat di Bridex Hall 1 dan 2, di sini, dengan tema 'DARE to Innovate : Growth & Resilience through Innovation'.

Festival itu menghimpunkan lebih daripada 200 gerai dalam Kategori Makanan dan Minuman; Pembuatan (Manufacturing); Peruncitan (Retail); Fesyen dan Tekstil, Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan; dan Perkhidmatan (Services), dengan bermatlamat untuk menyediakan platform bagi perniagaan mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, belajar daripada pakar industri, dan berhubung dengan bakal pembeli

dan rakan kongsi.

Selain pelancaran Brunei MSME Festival, satu persidangan turut diadakan pada sebelah petang yang menghimpunkan pakar dari sektor awam dan swasta serta ahli akademik untuk membincangkan bagaimana perniagaan, khususnya PMKS boleh memanfaatkan inovasi berskala dan membina kedayatanganan.

Acara itu juga mempamerkan pelbagai aktiviti termasuk Pameran, Seminar, Sesi Padanan Perniagaan dan Aktiviti Interaktif.

Seminar antaranya melibatkan ceramah oleh agensi kerajaan dan

sesi perkongsian oleh PMKS mengenai maklumat yang relevan untuk perniagaan, manakala sesi Padanan Perniagaan melibatkan pertemuan perniagaan-keperniagaan (B2B) dengan kedua-dua pembeli dan pengedar tempatan dan antarabangsa dari Singapura, Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Brunei MSME Festival adalah bukti komitmen negara untuk menyokong PMKS untuk berkembang dan berinovasi.

Untuk maklumat lanjut mengenai Brunei MSME Festival, sila layari saluran media sosial Facebook dan Instagram @bruneismsfestival.



MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENJARA KE-69



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-69 Tahun 2023, berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

TUTONG, Jumaat, 17 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan berdasarkan rekod, *residivis* bagi kohort tahun 2018 adalah sebanyak 7.53 peratus (40 orang

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

daripada 531 jumlah banduan yang dibebaskan); kohort tahun 2019 sebanyak 8.77 peratus (54 orang daripada 616 jumlah banduan yang dibebaskan); dan kohort tahun 2020 meningkat yang amat ketara sehingga 14.61 peratus (84 orang daripada 575 jumlah banduan yang dibebaskan).

Yang Berhormat menyatakan perkara berkenaan pada Upacara Perbarisan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-69 Tahun 2023, berlangsung di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, di sini.

"Menyedari akan pentingnya untuk menangani *recidivism* ini, saya difahamkan bahawa Jabatan Penjara secara berterusan menyediakan dan melaksanakan beberapa program seperti keroohanian termasuklah Kelas Ugama; Kelas Iqra; Kelas Hafazan Quran; Membaca Surah Yaa Siin; Tahlil dan Zikir; Kelas Menghafaz Al-Quran; program kaunseling seperti sesi kaunseling



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa memeriksa barisan (atas) manakala gambar bawah kiri, perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat pada upacara tersebut.

dan ceramah-ceramah motivasi; program pemulihan fizikal seperti latihan jasmani, kawad dan sukan; dan ini juga termasuk program latihan kemahiran vokasional seperti pertukangan kayu, pertanian, memasak dan landskap sebagai usaha untuk memberi para banduan kemahiran dalam membantu mereka mempersiapkan diri apabila bebas nanti untuk mencari sebarang pekerjaan yang bersesuaian," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu upacara dimulakan dengan Pegawai Pemerintah Perbarisan melaporkan perbarisan siap sedia untuk diperiksa dan seterusnya tetamu kehormat majlis memeriksa barisan.

Kemudian perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat jalan dan diikuti dengan

perbarisan mara ke hadapan untuk diperhati semula.

Seterusnya, Pegawai Perbarisan

melaporkan perbarisan sempurna dijalankan dan mohon kebenaran untuk menjalankan tugas-tugas seterusnya.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Download on the App Store | Get it on Google Play

KHEU bertahlil di Kubah Makam Diraja



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), hari ini, mengadakan bacaan Surah Yaa

Siin diikuti Tahlil bagi ayahanda, bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan

Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada majlis tersebut.

Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir bersama rombongan pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Besar.

Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat diikuti dengan membaca Tahlil dan Doa Arwah.

Lebih 200 warga KHEU terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan hadir pada majlis yang merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan KHEU.

PERADUAN FOTOGRAFI MEMUPUK SEMANGAT KEMERDEKAAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Fotografi menjadi salah satu medium komunikasi yang memberikan impak besar terhadap aspek seni, sosial, kebudayaan dan sejarah.

Kandungan setiap gambar yang diambil adalah sejarah dan gambar-gambar berkenaan menjadi saksi peristiwa bersejarah dan perakam keadaan sebenar dalam masa tertentu.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023 yang diadakan pagi tadi bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini.

Menurut Awang Suip yang juga selaku Pengerusi Majlis, kuasa

gambar mampu bertindak menyampaikan dan menerangkan sesuatu peristiwa atau keadaan itu dengan baik sehingga mengesankan masyarakat.

Menyentuh mengenai penyertaan peraduan berkenaan beliau berkata, pelaksanaan peraduan pada tahun ini merekodkan penyertaan yang tertinggi, berbanding peraduan-peraduan terdahulu dengan bilangan penyertaan mencapai seramai 80 orang peserta dengan jumlah gambar sebanyak 128 keping.

"Sambutan yang amat menggalakkan dan tidak dijangkakan, terutama sekali penyertaan dalam Kategori Khas."

"Alhamdulillah bagi Kategori Khas ini, sebanyak 55 keping gambar yang memfokuskan kepada wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023.

diterima oleh pihak Urus Setia dan gambar-gambar ini juga turut dipamerkan pada hari ini," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri (Urustadhir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus, juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Qutbul Islam bin Haji Suhaimi.

Antara pengisian majlis ialah tayangan video yang memaparkan koleksi gambar ristaan dan peserta peraduan semasa pelaksanaan Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD bagi tahun 2021 dan 2022.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah dan cenderamata kepada para

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

pemenang dan panel hakim peraduan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi Kategori A (menggunakan kamera DSLR), johan disandang oleh Awang Muhammad Haziq bin Abdul Hamid yang memenangi hadiah wang tunai BND800, plak dan sijil penghargaan; diikuti naib johan, Awang Zainury bin Zainal Abidin yang memenangi hadiah wang tunai BND600, plak dan sijil penghargaan; dan Dayang Faridah binti Haji Jaya di tempat ketiga yang memenangi hadiah wang tunai BND400, plak dan sijil penghargaan.

Sementara itu, bagi Kategori B (menggunakan telefon bimbit/tablet), johan dimenangi oleh Hajah Dayang Surairah binti Haji Awang Mohammad menerima wang tunai BND500, plak dan sijil penghargaan; naib johan disandang oleh Dayang Faridah binti Haji Jaya menerima wang tunai BND350, plak dan sijil penghargaan; dan Awang Haji Ali Hamzah bin Haji Gafar di tempat ketiga dengan menerima wang tunai BND200, plak dan sijil penghargaan.

Manakala bagi Kategori Khas (wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bersama Rakyat dan Penduduk atau wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) pula, johan diberikan kepada Awang Haji Kahan bin Haji Nasir yang memenangi hadiah wang tunai BND1,000, plak dan

sijil penghargaan; diikuti naib johan, Awang Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman yang memenangi hadiah wang tunai BND800, plak dan sijil penghargaan; dan Awang Haji Ismail bin Haji Metusin di tempat ketiga yang memenangi hadiah wang tunai BND600, plak dan sijil penghargaan.

Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, Tahun 2023 dianjurkan oleh DBP, melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, dengan mengangkat tema 'Mensyukuri Kemerdekaan'.

Antara objektif peraduan berkenaan diadakan adalah untuk memupuk semangat kemerdekaan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan agama di samping mengekspresikan dan memvariasikan kreativiti masyarakat melalui seni fotografi seterusnya menjadi suatu sumber pendapatan yang menjana kepada kemajuan sosioekonomi negara.

Selain itu, ia juga adalah sebagai nilai tambah koleksi dan pendokumentasian gambar-gambar mengenai Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD; serta melahirkan dan mengangkat karya seni fotografi terbaik di negara ini.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; pengarah-pengarah; para pegawai kanan kerajaan; para panel hakim dan peserta peraduan.

Lawatan menggalakkan sistem keadilan cekap, berkesan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon serta dua Pegawai Kanan Kehakiman telah mengadakan Lawatan ke Mahkamah Agung United Kingdom (UK) (The Supreme Court of the United Kingdom) dan Judiciary of England and Wales pada 27 dan 28 Februari 2023 di London, UK.

Semasa lawatan tersebut, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar telah mengunjungi The Lord Chief Justice of England and Wales, The Right Honourable The Lord Burnett of Maldon and The President of the Supreme Court of the United Kingdom, Lord Reed of Allmuir.

Mesyuarat telah diadakan

dengan Hakim Kanan Kehakiman England dan Wales sebagai peneraju untuk hubungan antarabangsa, insolvensi dan latihan antarabangsa.

Lawatan juga diadakan di Mahkamah Keadilan Diraja England dan Wales, Mahkamah Agung UK, Judicial Committee of the Privy Council dan Central Criminal Court of England and Wales (biasanya dirujuk sebagai Old Bailey).

Perbincangan telah diadakan dalam pelbagai bidang termasuk kerjasama kehakiman dalam pentadbiran mahkamah, pendidikan dan latihan kehakiman yang berterusan.

Seterusnya perbincangan perkembangan dalam proses penyelesaian insolvensi dan


■ **Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Sivil**

kaedah perbicaraan rayuan yang kini dijalankan secara talian oleh The Judicial Committee of the Privy Council (JCPC), di mana di Negara Brunei Darussalam (NBD) parti bagi kes sivil boleh merayu kepada JCPC dengan syarat kedua-dua pihak bersetuju terlebih dahulu.

Lawatan itu juga mengesahkan hubungan yang terjalin lama dan erat antara NBD dan UK. Kerjasama kehakiman dalam bidang perkongsian bernilai antara kedua-dua negara dan melalui warisan undang-undang bersama, bertujuan untuk menggalakkan sistem keadilan yang cekap,

berkesan dan adil yang komited kepada kedaulatan undang-undang.

Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar merakamkan ucapan terima kasih kepada Pejabat Kehakiman atas sambutan yang baik yang dihulurkan kepada delegasi dan kepada Suruhanjaya Tinggi British di NBD atas sokongan mereka dalam menjayakan mesyuarat dan lawatan tersebut.



KETUA Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon mengadakan kunjungan kepada The Lord Chief Justice of England and Wales, The Right Honourable The Lord Burnett of Maldon and The President of the Supreme Court of the United Kingdom, Lord Reed of Allmuir.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Raih Ganjaran Pahala Berganda Ramadan'. Tarikh Tutup : 22 Mac 2023
2. 'Membuka Pintu Rezeki Dengan Bersedekah'. Tarikh Tutup : 29 Mac 2023
3. 'Memperkasakan Kemahiran PMKS Tempatan'. Tarikh Tutup : 5 April 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

TANGANI ISU SEKURITI RENTAS SEMPADAN, SERANTAU, GLOBAL



TIMBALAN Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri semasa mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam bagi Mesyuarat Sub-Regional Meeting on Counter Terrorism and Transnational Security (SRM) Ke-4 yang berlangsung di Melbourne, Australia (atas dan kanan).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

MELBOURNE, AUSTRALIA, Khamis, 16 Mac. - Isu-isu sekuriti rentas sempadan di peringkat serantau dan global termasuk ancaman pengganasan, keselamatan siber dan perlindungan Critical Information Infrastructure (CII) merupakan di antara isu-isu yang dibincangkan semasa Mesyuarat Sub-Regional Meeting on Counter Terrorism and Transnational Security (SRM) Ke-4 yang berlangsung di Melbourne, Australia, hari ini.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara dengan disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari JPM dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Mesyuarat SRM Ke-4 telah dipengerusikan bersama oleh

Menteri Dalam Negeri dan Menteri Keselamatan Siber Australia, The Honourable Clair O'Neill dan Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Mohammad Mahfud MD.

Mesyuarat kali ini turut dihadiri oleh Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Kanan dari New Zealand, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand.

Semasa Mesyuarat SRM Ke-4 tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM mengetengahkan komitmen NBD ke arah mendukung usaha-usaha antarabangsa bagi memerangi jenayah pengganasan yang mana ia adalah salah satu ancaman utama terhadap keselamatan dan kestabilan di rantau ini.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM lagi, NBD mengambil perhatian yang serius terhadap isu penyebaran ajaran

ekstremis oleh individu-individu yang mempunyai pemahaman yang sesat mengenai konsep 'jihad'.

Dalam hal ini, agensi-agensi keselamatan di NBD tidak teragak-agak akan mengambil tindakan tegas terhadap individu-individu berkenaan. Sehubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa melaksanakan usaha-usaha dengan pendekatan Whole-of-Nation dan Whole-of-Government untuk melindungi rakyat dan penduduk NBD dari ancaman pengganasan dan ajaran-ajaran ekstremis.

Menyentuh mengenai keselamatan siber pula, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Australia dan Republik Singapura di atas kerjasama dan pengalaman-pengalaman yang telah

dikongsikan dengan NBD sebelum ini khususnya berkaitan jenayah siber, perlindungan CII dan isu-isu sekuriti yang melibatkan rangkaian 5G.

Mesyuarat SRM Ke-4 turut membincangkan hasil Mesyuarat Senior Officials Counter-Terrorism Policy Forum Ke-2 yang telah bersidang pada 19-20 Disember 2022 termasuk perkembangan terkini mengenai usaha-usaha untuk memuktamadkan dokumen High-Level Principles for the Protection of Children in Relation to Terrorism and Violent Extremism in the Sub-Region.

Mesyuarat juga berpeluang mendengarkan taklimat mengenai inisiatif-inisiatif di bawah Counter Terrorism Information Facility (CTIF).

Semasa berada di Melbourne, Australia, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM juga telah mengambil peluang mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Keselamatan Siber Australia, The

Honourable Clair O'Neill bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama di antara kedua-dua negara khususnya di dalam bidang keselamatan siber, penguatkuasaan maritim dan keselamatan sempadan.

Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM juga telah mengadakan perjumpaan muhibah dengan Menteri Negara, Kementerian Ehwat Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan, Republik Singapura Associate Professor Dr. Muhammad Faishal Ibrahim.

Semasa sesi perjumpaan tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM telah menzahirkan penghargaan di atas kerjasama yang erat di antara NBD dan Republik Singapura di dalam menangani isu-isu sekuriti yang berkepentingan bagi kedua-dua buah negara termasuk isu pengganasan dan ekstremisme, isu berkaitan dadah dan keselamatan siber.

Home Showcase Festival : Peluang miliki rumah impian



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan semasa melancarkan Home Showcase Festival Bank Islam Brunei Darussalam (atas) dan seterusnya menyaksikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh para pengusaha yang menyertai festival berkenaan (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) petang tadi melancarkan 'Home Showcase Festival' ke-16, yang menawarkan kedua-dua pemilik rumah dan bakal pemilik rumah yang sama, peluang untuk mengalami pilihan reka bentuk dan gaya hidup yang terkini dan terbaik.

Home Showcase Festival Ke-16, yang kembali selepas dua tahun

tertunda akibat pandemik COVID-19, membawa tema 'Menuju Gaya Hidup Rumah Lestari' akan mempamerkan trend terkini dalam reka bentuk luaran dan dalaman, menonjolkan konsep kehidupan mampan dan bagaimana untuk mewujudkan sebuah rumah yang merupakan mesra bergaya dan alam sekitar.

Acara juga merupakan sebahagian daripada inisiatif BIBD

di bawah Rangka Kerja Kelestarian BIBD dan sokongan untuk Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya Matlamat 11 (Bandar dan Komuniti Lestari).

Hadir bagi melancarkan acara tersebut di Cawangan BIBD Kiulap, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Sepanjang Festival berkenaan, yang bakal berlangsung dari 17 hingga 19 Mac ini, pelawat yang berminat untuk membeli rumah impian mereka juga boleh bertemu kepada pakar-pakar pembiayaan rumah BIBD untuk mengambil kesempatan daripada penyelesaian pembiayaan rumah patuh Syariah BIBD dengan Kadar Keuntungan Tahunan (APR) bermula serendah 4 peratus.

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri juga akan mempamerkan panel solar untuk rumah kediaman dan demo peralatan cekap tenaga bagi orang ramai yang berminat untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mampan.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Industri Kawalan dan Pembinaan Bangunan (ABCI) juga akan mengambil bahagian



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

dalam Festival tersebut.

Terdapat juga Fireside Chat yang memberi tumpuan kepada kehidupan mampan dan bagaimana isi rumah boleh mula melaksanakan amalan lestari dalam kehidupan seharian mereka.

Festival ini juga akan menjadi acara tanpa tunai, di mana pelanggan boleh menggunakan BIBD QuickPay untuk membayar di mana-mana vendor makanan

tempatan yang hadir.

Juga mengambil bahagian dalam festival ini ialah kohort terkini BIBD's Special Entrepreneurship Empowerment & Development Scheme juga dikenali sebagai BIBD SEED.

Pelanggan yang mendaftar untuk produk pembiayaan atau kad kredit di sepanjang festival juga layak untuk pengecualian yuran, baucar dan hadiah BIBD eksklusif.



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat

Menjelang Ramadan Al-Mubarak

umur, nikmat rezeki, nikmat kesihatan dan lain-lain nikmat yang tidak terhitung banyaknya. Dengan nikmat tersebut kita bakal dipertemukan lagi dengan bulan yang mulia, bulan yang penuh rahmat, bulan keampunan dan bulan yang dirindui oleh seluruh umat Islam iaitu bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada bulan inilah kita umat Islam diwajibkan berpuasa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Ketika menjelang bulan Ramadan Al-Mubarak, kita hendaklah mempersiapkan diri dari segi rohani, antaranya :

Pertama : Mempertingkatkan amal ibadat seperti memperbanyakkan Puasa Sunat, memperbanyak Sembahyang Sunat, membaca Al-Quran, berzikir, beriktikaf, qiamullail dan seumpamanya.

Kedua : Mendalami ilmu agama khususnya dalam perkara ibadah puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya.

Ketiga : Menggada Puasa Wajib.

Setiap orang mukalaf yang meninggalkan puasa Ramadan sama ada disebabkan keuzuran seperti sakit, musafir, haid, nifas, hamil dan berbuka puasa tanpa keuzuran adalah diwajibkan untuk

menggada puasa sebanyak hari yang telah ditinggalkan itu.

Manakala bagi orang-orang yang benar-benar tidak terdaya untuk menggada puasa seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh, mereka tidak diwajibkan untuk menggada puasa yang ditinggalkannya itu, akan tetapi wajib bagi mereka untuk membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184 :

Tafsirnya : "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah), jika kamu mengetahuinya".

Bagi sesiapa yang masih belum menggada puasa Ramadan pada tahun lepas, maka eloklah mengambil kesempatan menggada pada bulan Syaaban ini agar terlepas dari membayar fidyah. Fidyah bererti bayaran denda kerana

tidak berpuasa Ramadan dengan sebab-sebab tertentu atau kerana melambat-lambatkan menggada puasa Ramadan sehingga masuk Ramadan berikutnya.

Oleh itu, jika kita masih mempunyai gada puasa Ramadan yang lalu dan belum ditunaikan, maka tunaikanlah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan.

Menjelang Ramadan yang bakal tiba ini, marilah kita sama-sama membuat persediaan dan persiapan dengan sebaik-baiknya. Isilah ruang dan masa yang ada di bulan Ramadan itu nanti dengan melakukan ibadat dan perkara-perkara yang berkebaikan.

Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan amal ibadat dengan sempurna dan mendapat ganjaran yang berlipat kali ganda serta mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan". (Surah An-Nahl, ayat 97)

JMB 2023 : PELUANG PENIAGA MENAWARKAN POTONGAN HARGA ISTIMEWA



menarik pelanggan dengan menawarkan potongan harga istimewa ke atas barangan dan perkhidmatan bagi merangsang penggunaan dalam negeri (domestic consumption).

JPES mempelawa penyertaan para peniaga daripada pelbagai sektor untuk sama-sama menyokong acara jualan murah kebangsaan dan membantu menyumbang kepada meningkatkan kegiatan perekonomian negara dengan menggalakkan orang ramai untuk berbelanja dalam negeri, sempena kedatangan bulan Ramadan dan musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba.

Para peserta yang ikut serta di dalam acara JMB 2023 akan dipaparkan di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak melalui ciri 'Jualan & Diskaun' bagi tujuan publisiti dan bagi memudahkan pengguna mengetahui peserta JMB 2023 dan memudahkan pengguna berkunjung ke premis-premis perniagaan berkenaan.

Di kesempatan ini, JPES mengingatkan kepada peserta JMB 2023 untuk sentiasa menjalankan perniagaan dan acara jualan murah secara beretika dengan mematuhi Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) 2011 dan Perintah Paparan Tanda Harga, dengan mempamerkan tanda harga dan diskaun serta terma dan syarat dengan jelas bagi memastikan pengguna membuat pilihan pembelian yang bermaklumat.

Dalam pada itu, Notis Acara Harga Jualan Murah yang dikeluarkan oleh JPES hendaklah dipamerkan dengan terang dan jelas di setiap premis perniagaan masing-masing.

Borang Makluman untuk menyertai acara JMB 2023 boleh dimuat turun dari laman sesawang

Kaunter Perkhidmatan Kad Pengenalan dikemaskinikan

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sukacita ingin merujuk Siaran Akhbar Bilangan IMM/PPA/PRO/13/Pt2 bertarikh 7 Disember 2022 berkenaan dengan pengemaskinian Kaunter-kaunter Perkhidmatan Pendaftaran dan Pengambilan Kad-kad Pengenalan di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Tutong.

Oleh yang demikian, dimaklumkan bahawa Kaunter-kaunter Perkhidmatan Pendaftaran dan Pengambilan Kad Pengenalan Hijau di Dewan Bandaran Kuala Belait, Daerah Belait akan dipindahkan semula ke Lantai Bawah, Pejabat Cawangan Pendaftaran Kebangsaan Kuala Belait bermula pada Sabtu, 18 Mac 2023.

Manakala Kaunter Pendaftaran dan Pengambilan Kad Pengenalan Kuning dan Ungu adalah masih dikekalkan di Tingkat 1, Pejabat Cawangan Pendaftaran Kebangsaan Kuala Belait.

Sehubungan itu, Kaunter-kaunter Pendaftaran bagi Kad Pengenalan Hijau yang ditempatkan di Dewan Pengiran Lela Cheteria Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Daerah Brunei dan Muara dan Kaunter-kaunter Pendaftaran bagi Kad Pengenalan Kuning, Ungu dan Hijau yang ditempatkan di Dewan Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Tutong, Daerah Tutong adalah masih dikekalkan.



***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna akan mengadakan acara jualan murah tahunan di peringkat kebangsaan

bertajuk 'Jualan Mega Brunei (JMB) 2023' bermula esok, 16 Mac sehingga 6 Mei 2023 selama 52 hari.

Acara jualan murah tahunan di peringkat kebangsaan JMB 2023 berkenaan memberi peluang kepada para peniaga untuk

JPES, iaitu www.deps.gov.bn/cad atau boleh diperolehi melalui kaunter semasa hari dan waktu bekerja.

Borang Makluman yang lengkap boleh dihadapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pengguna bermula hari ini sehingga Sabtu, 25 Mac 2023 melalui e-mel sales@jpes.gov.bn atau dihantar terus ke kaunter pada alamat Jabatan Hal Ehwal

Pengguna, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Bilik 2A3:06, Aras 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA111 Negara Brunei Darussalam.

Sebarang pertanyaan mengenai JMB 2023 bolehlah disalurkan kepada JPES melalui aplikasi PenggunaBijak atau e-mel sales@jpes.gov.bn.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sijil, transkrip dan pengiktirafan Maja Keluasan Pengiktirafan Kelulusan (PSQR) yang berkaitan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (sumber / peperiksaan / peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui dalam iklan)



Jawatan, Tarikh Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENGAWAS KENDERAAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/07	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	25 MAC 2023
2. PENTERJEMAH D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2023/MAR/05	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	01	7(A)	25 MAC 2023
3. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2023/MAR/06	DIVISIYEN PENGURUSAN LEMBAGA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	25 MAC 2023
4. PENYELIA SISTEM C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/08	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	27 MAC 2023
5. PEMERIKSA HARGA KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/10	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	27 MAC 2023
6. MERINYU SUKATAN DAN TIMBANGAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/11	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	7(A)	27 MAC 2023
7. JURUTULIS JAWI KANAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/12	DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	27 MAC 2023
8. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2023/MAR/13	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	02	7(A)	27 MAC 2023

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Skim Pencak Silat Cawangan Daerah Tutong Di Kompleks Sukan Tutong, Jabatan Belia Dan Sukan

Bilangan Tawaran :
(24) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Menyediakan Dan Menghantar Mattress Pencak Silat Bagi Skim Pencak Silat Cawangan Daerah Tutong Di Kompleks Sukan Tutong, Jabatan Belia Dan Sukan

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
30 Mac 2023,
Jam 12.00 Tengah Hari



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :
(21) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
The Supply, Delivery, Install, Testing and Commissioning Of Projector For Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Department Of Youth and Sports

Bilangan Tawaran :
(22) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
The Supply, Delivery, Install, Testing and Commissioning Of Projector For Dewan Silaturahmi, Pusat Belia BSB, Department Of Youth and Sports

Bilangan Tawaran :
(23) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Menyediakan Dan Menghantar Peralatan Pencak Silat Bagi



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi :

1. Pemakanan Kecemasan Operasi / Standby Melebihi 3 Jam Bagi Daerah Brunei Dan Muara Serta Daerah Temburong (Ruj: JBP / TSH / 01 / 2023-2024)

2. Pemakanan Kecemasan Operasi / Standby Melebihi 3 Jam Bagi Daerah Tutong (Ruj: JBP / TSH / 02 / 2023-2024)

3. Pemakanan Kecemasan Operasi / Standby Melebihi 3 Jam Bagi Daerah Belait (Ruj: JBP / TSH / 03 / 2023-2024)

4. Pemakanan Peserta Kursus / Latihan / Taklimat / Bengkel Di Pusat Latihan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Ruj: JBP / TSH / 04 / 2023-2024)

Bayaran Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
30 Mac 2023,
Jam 10.00 Pagi



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Makluman Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 017 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Penyewaan Unit-Unit Ruang 'Food Court' Di Bangunan Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran :
BND15.00
[Tidak Dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 018 / 2022 - [T]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Bagi Pengendalian Kafe Di Business Library, Universiti Brunei Darussalam [Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Dokumen & Pentadbiran :
BND35.00
[Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 April 2023,
Jam 2.00 Petang



JABATAN PENERBANGAN
AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran :
Supply and install new tempered glass panel to existing curtain wall at New Terminal Building, Brunei International Airport AME / 2023-2024 / SH-30 (Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran :
Supply of roadline paint and other accessories for runway, taxiway, apron and access road at Brunei International Airport AME / 2023-2024 / SH-31 (Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran :
Term contract for maintenance of roofing leakages at Brunei International Airport for a period of 12 months - FSOR AME / 2023-2024 / SH-32 (Kelas I dan II)

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :
Selasa,
4 April 2023

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
5 April 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

Jawatan Kosong Di Perwakilan Tetap OIC, Kabul, Afghanistan

Jawatan Kosong Di United Nations Office For Disarmament Affairs (UNODA)

Jawatan :
Political Affairs Officer

Tarikh Tutup :
24 Mac 2023

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang : <http://careers.un.org/ibw/jobdetail.aspx?id=199984&Lang=en-US>



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
31 / DBP / SH / 2022-2023

Tajuk Tawaran:
Mencetak Buku Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
28 Mac 2023

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
Q.JDT/04/2023

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pemasangan Papan Tanda Penghulu Mukim Dan Ketua Kampung

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
30 Mac 2023,
Jam 2.00 Petang



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No. BCY / CP / 131 / 2022

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Chan Kui Yu (BYIC No.
01-052271)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **4 Februari 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
Chan Kui Yu
No. 1, Spg. 258-7, Kampung
Kulapis BG2521,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
30 November 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **4 Februari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),
Mahkamah Besar pada 15 Mei
2023, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **15 Mei 2023, jam 10.00 Pagi**
di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :

13 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 283 / 2022

Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Saliha binti Admin (BYIC No.
00-250150)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **28 Januari 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
Saliha binti Admin
F5, Tingkat 3, Berek Pertanian,
Sinout, Tutong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
10 Januari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **28 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),
Mahkamah Besar pada 15 Mei
2023, jam 9.45 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **15 Mei 2023, jam 9.45 Pagi**
di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
13 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 291 / 2022

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Ramlee bin Kisut / Kesut (BYIC
No. 01-079273)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **21 Januari 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
Ramlee bin Kisut / Kesut
No.4, Block 2, Flat Maktab Sains
Paduka Seri Begawan Sultan
BB2313,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
10 Januari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **21 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),
Mahkamah Besar pada 15 Mei
2023, jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **15 Mei 2023, jam 9.30 Pagi**
di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
13 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 253 / 2022

Baiduri Bank Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Kamrinah binti Haji Kamis
(BYIC No. 00-296587)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **11 Februari 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
Kamrinah binti Haji Kamis

No.16-G, Kampung Burong
Pingai Ayer, BM1126
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
24 Januari 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **11 Februari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),
Mahkamah Besar pada 15 Mei
2023, jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **15 Mei 2023, jam 9.15 Pagi**
di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
13 Februari 2023

Kes No. BCY / CP / 241 / 2021

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Pg. Mohammad Ali bin Pg.
Masshor (BYIC No. 00-308967)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **19 Januari 2023**.

**Nama dan alamat terakhir
diketahui :**
Pg. Mohammad Ali bin
Pg. Masshor
No.17, Jalan 99, Simpang 48-3,
Kampung Rimba BE3319,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
15 September 2022

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang

bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 2, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Februari 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **19 Januari 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13),
Mahkamah Besar pada 15 Mei
2023, jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **15 Mei 2023, jam 9.00 Pagi**
di **Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
13 Februari 2023

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama

BCY / CP / 528 / 2016

Nama Penghutang - Abdul Faiz
Bin Aji (BYIC No. 01-048418) -
Alamat - No.6, Simpang 200-21,
Kampong Mentiri, Negara Brunei
Darussalam, Mahkamah
- Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. Nombor
- Kebankrapan Bil. 528 Tahun 2016.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 17.00% Pertama atau
terakhir selainya - Pertama Bila
Kena Dibayar - 6 Februari 2023. Di
Mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama

BCY / CP / 179 / 2000

Nama Penghutang - Abd Rahim
bin Hj Ja'afar (BYIC No.
00-074720) - Alamat - No.28,
Simpang 1185-73-100, Kg.
Perpindahan Negara Bukit
Beruang, Tutong TC3345, Negara
Brunei Darussalam, Mahkamah
- Mahkamah Besar, Negara Brunei
Darussalam. Nombor
- Kebankrapan Bil. 179 Tahun 2000.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 62% Pertama atau
terakhir selainya - Pertama Bila

>> Muka 23

>> Muka 22

Kena Dibayar - 13 Februari 2023.
Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
11 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

BCY / CP / 171 / 2016

Nama Penghutang - Hj Abdul Kadir bin Hj Kurus (BYIC No. 00-250295) - **Alamat -** No. 919, Kg. Pengkalan Batu, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 171 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 60.80% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 7 Februari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

BCY / CP / 98 / 2016

Nama Penghutang - Hamdan bin Aliasgar (BYIC No. 00-118079) - **Alamat -** No. 15, Kg. Sungai Tani, Temburong PA1951, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 98 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 51% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 7 Februari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

BCY / CP / 320 / 2012

Nama Penghutang - Rosnah binti Haji Kadar (BYIC No. 00-119421) - **Alamat -** No. 105, Jalan 99, Simpang 165, RPN Kampong Rimba, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 320 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 41.71% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 7 Februari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua

BCY / CP / 244 / 2017

Nama Penghutang - Besar bin Aiadin (BYIC No. 00-125169) - **Alamat -** Banglow G64, Lorong 103, Penanjong Kem Tutong, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 244 Tahun 2017. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 57.9% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 7 Februari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai

Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

BCY / CP / 469 / 2010

Nama Penghutang - Yazman bin Haji Yaakub (BYIC No. 00-269188) - **Alamat -** No. 83, Simpang 637-84-26-11-53, STKRJ Lambak Kiri Berakas BB1114, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 469 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 1 Februari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Februari 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

BCY / CP / 354 / 2006

Nama Penghutang - Hajah Nurzainah binti Mohd Tamin (BYIC No. 00-056850) - **Alamat -** No. 887, Kg. Luagan Dudok, Tutong TB1141, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 354 Tahun 2006. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100% **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 31 Januari 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 Februari 2022

KES NO. BCY / CP / 138 / 2017

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang / Pemetisyen

Haji Zainuddin bin Haji Kassim (Kad Pengenal Brunei No.: 00-275014 - Kuning) - Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Februari 2023.

Nama dan alamat Bankrap :
Haji Zainuddin bin Haji Kassim No. 93, Simpang 95, Kampung Lambak Kiri, Jalan Bedil Berakas, BB1314, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
4 Januari 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2023

KES NO. BCY / CP / 441 / 2018

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang / Pemetisyen

Hasrol bin Md. Shah (Kad Pengenal Brunei No.: 00-286546 - Kuning) - Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Februari 2023.

Nama dan alamat Bankrap :
Hasrol bin Md Shah No. 442, Kampung Bukit Bunga Lumapas 'A' BJ3324, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
30 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
6 Februari 2023

KES NO. BCY / CP / 124 / 2017

BIBD At-Tamwil Berhad - Pemiutang / Pemetisyen

Awangku Raziman bin Pengiran Mohamad (Kad Pengenal Brunei No.: 00-308155 - Kuning) - Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Februari 2023.

Nama dan alamat Bankrap :
Awangku Raziman bin Pengiran Mohamad No. 10, Simpang 637-35-33, STKRJ Kampung Lambak Kiri, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
26 Mac 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 Februari 2023

KES NO. BCY / CP / 171 / 2007

BIBD At-Tamwil Berhad - Pemiutang / Pemetisyen

Marzuki bin Haji Sere (Kad Pengenal Brunei No.: 00-276198 - Kuning) - Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Februari 2023.

Nama dan alamat Bankrap :
Marzuki bin Haji Sere No. 17, Simpang 136-5, Kampong Perpindahan Mentiri BU2129, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
17 Januari 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutan yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 Februari 2023

BCY / CP / 443 / 2017

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Liew Mui Len (BYIC No. 00-070913) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **4 November 2017 telah dibatalkan pada 2 Februari 2023.**

Nama Penghutang :
Liew Mui Len

Alamat Penghutang :
No. 2, Kampung Senukoh Labu, Temburong PB1351, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
7 Februari 2023

Pembatalan Perintah Penerimaan

BCY / CP / 367 / 2010

Nama Penghutang - Hamdilah bin Haji Othman (BYIC No. 00-287175 - RBPF I/C) - **Alamat -** Block F2c, Simpang 207, Flat Polis Kawalan Di-Raja, Jalan Babu Raja, Kampung Beribi, Bandar Seri Begawan BE1118, Negara Brunei Darussalam, **Nombor Perkara -** Kes No. **BCY/CP/367/2010** Tarikh Perintah Penerimaan - 25 November 2010 Tarikh Perintah dibatalkan - **2 Februari 2023** Alasan Pembatalan - Semua hutang hutang dijelaskan dengan penuh.

Tarikh :
7 Februari 2022

Dk Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufriar @ Pg Tajuddin Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

BANTU SEDIAKAN AKSESIBILITI TERHADAP SUMBER BACAAN, ICT



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa melancarkan projek bagi membekalkan penyambungan internet, peralatan ICT dan bahan bacaan bagi Asrama Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia Dian Sukang, Ulu Belait yang merupakan sebahagian daripada Projek Community Outreach Program bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan Ke-33, Mutiara Harapan (kiri dan kanan).

KUALA BELAIT, Rabu, 15 Mac. - Merupakan sebahagian daripada Projek Community Outreach Program bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMO) Ke-33, Mutiara Harapan hari ini melancarkan projek untuk membekalkan penyambungan internet, peralatan ICT dan bahan bacaan bagi Asrama Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia Dian Sukang, Ulu Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan projek tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sementara itu, Ketua Pasukan Mutiara Harapan, Awang Ariffin Deng@Abdullah semasa menyampaikan ucapan mengongsikan mengenai

pemilihan projek tersebut dibuat adalah berdasarkan kepada rasa tanggungjawab sosial yang berkaitan dengan pendidikan untuk memastikan pelajar-pelajar yang ditempatkan di asrama di kawasan pedalaman itu mendapat manfaat yang baik agar mereka dapat meneroka lebih banyak sumber bahan bacaan dalam meningkatkan lagi pengetahuan mereka.

Awang Ariffin Deng @ Abdullah seterusnya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas sumbangan yang diberikan oleh penaja dalam menjayakan pelaksanaan projek itu.

Dalam ucapannya, beliau juga berharap dengan sokongan penuh daripada Kementerian Pendidikan, pihak sekolah akan menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan untuk membantu para pelajar

mencapai kecemerlangan sama ada *duniawi* (dunia) mahupun *ukhrawi* (akhirat) melalui penyediaan aksesibiliti kepada sumber-sumber dalam talian dan program keagamaan yang akan diungkuhkan secara bulanan, untuk meneruskan kelangsungan projek itu bagi generasi yang akan datang.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada syarikat-syarikat dermawan yang telah sama-sama mendukung pelaksanaan projek berkenaan melalui sumbangan peralatan-peralatan ICT, televisyen dan juga bahan bacaan untuk asrama tersebut yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga berpeluang menyaksikan program keagamaan yang telah diadakan secara dalam talian bagi

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

para penuntut.

Projek tersebut bertujuan untuk menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, dalam menyediakan akses internet untuk meningkatkan kualiti hidup Brunei melalui akses inklusif kepada perkhidmatan digital, dengan penyediaan akses internet yang boleh diharap dan peralatan IT yang bersesuaian.

Di samping bagi mempertingkatkan pendidikan Islam bagi golongan mualaf, juga diadakan aktiviti keagamaan secara atas talian pada setiap bulan, dengan kerjasama agensi berkaitan dan sekolah rendah untuk pelajar asrama termasuk ibu bapa mereka.

Selaras dengan Sustainable Development Goal (SDGs) Ke-4

iaitu 'Memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua', pembekalan sambungan internet dan peralatan ICT itu diharap dapat memberi peluang kepada pelajar asrama memperoleh akses yang lebih baik kepada bahan-bahan ilmu yang bermanfaat secara atas talian, di samping pembelajaran formal dari sekolah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, Pemangku Penghulu Mukim Sukang, pengetua, guru-guru dan murid-murid sekolah berkenaan.

Barigakan nilai kemerdekaan dalam kalangan belia

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Bersama Belia bersempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-39, yang antara lain membincangkan mengenai penghayatan dan kefahaman generasi belia terhadap nilai-nilai kemerdekaan dan perspektif sejarah (atas kanan dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Majlis Belia Brunei (MBB) telah mengunghayahkan Forum Bersama Belia bersempena dengan Sambutan Hari

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-39 yang membincangkan mengenai tajuk, 'Menghargai Kemerdekaan Negara'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada forum tersebut, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal



binti Haji Mat Salleh; Yang Di-Pertua MBB, Dayang Khairunissa binti Haji Ash'ari; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan dan dekan-dekan serta mahasiswa-mahasiswi pengajian tinggi.

Selain memperingati Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-39, forum tersebut juga bertujuan untuk mengutarakan apa sahaja pandangan dan kefahaman belia-belia masa kini mengenai dengan harga atau nilai kemerdekaan NBD dan juga dapat membarigakan dan mengenang kembali peranan dan sumbangan kepimpinan dahulu dalam mencapai kemerdekaan.

Di samping itu, ia juga dapat

meningkatkan minat dan penghayatan belia-belia kepada persejajahan Brunei dan mencari pelapis khususnya dalam kalangan belia yang berpotensi dalam bidang persejajahan Brunei.

Antara yang dikongsikan dalam forum berkenaan adalah untuk membincangkan mengenai penghayatan dan kefahaman generasi belia terhadap nilai-nilai kemerdekaan dan perspektif sejarah dan juga aspirasi belia mengenai nilai kemerdekaan yang dikecapi pada masa ini.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' dan kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang

Alomsa Nor Adzmin bin Haji Ali Omar.

Seterusnya sesi forum menampilkan seramai tiga ahli panel iaitu ahli panel pertama, Yang Dipertua MPP UBD, Dayang Nur Qamelya binti Mohd. Rafee, ahli panel kedua, Yang Dipertua MPP UNISSA, Awang Abdul Shafiq bin Roszani dan ahli panel ketiga, Yang Dipertua MPP KUPU SB, Awang Haji Ahmad bin Haji Abas.

Forum berkenaan diserikan dengan Aktiviti Energizer yang merupakan acara tambahan berbentuk interaktif dengan menggunakan aplikasi Slido dan diakhiri acara penyampaian sijil penghargaan kepada moderator dan tiga ahli panel.

PERKASA DARUSSALAM AKAN SERTAI SHELL ECO-MARATHON ASIA



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam semasa melancarkan Mantuka Aswad, kenderaan elektrik bateri prototaip direka oleh Pasukan Shell Eco-Marathon Asia UBD, Perkasa Darussalam (kiri dan kiri sekali).

program sarjana dan pascasarjana dalam bidang kejuruteraan.

Shell Eco-Marathon ialah pertandingan yang mencabar keupayaan pelajar di seluruh dunia untuk merekabentuk, membina dan berlumba kereta cekap tenaga.

Dengan tiga acara tahunan di Asia-Pasifik dan Timur Tengah, Amerika dan Eropah serta Afrika, pasukan yang mengambil bahagian, akan membawa kenderaan prototaip mereka ke trek dan bertarung di litar bandar untuk kecekapan tenaga tertinggi, bagi menentukan siapa yang boleh pergi paling jauh di jumlah bahan api paling sedikit.

Dengan bekerjasama membina kereta cekap tenaga, projek ini bertindak sebagai platform untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam kalangan pelajar serta meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dan teknikal mereka.

Berita dan Foto : Aimi Sani

TUNGKU LINK, Rabu, 15 Mac. - Pasukan Shell Eco-Marathon Asia Universiti Brunei Darussalam (UBD), Perkasa Darussalam, hari ini, melancarkan kenderaan elektrik bateri prototaip bernama Mantuka Aswad bertempat di Bangunan Integrated Science, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan

kenderaan tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Penyertaan Perkasa Darussalam dalam pertandingan tersebut menunjukkan penekanan yang diberikan oleh UBD sebagai sebahagian daripada Wawasan Brunei 2035 yang merupakan agenda pembangunan pendidikan untuk melahirkan generasi belia

yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan boleh bekerja serta menghadapi cabaran global yang berdaya saing dengan ilmu diperoleh.

Perkasa Darussalam akan menyertai Pertandingan Shell Eco-Marathon Asia pada 4 hingga 9 Julai 2023 di Lombok, Indonesia. Tahun ini merupakan tahun kelapan penyertaan UBD bagi pertandingan ini.

Penyertaan UBD pada tahun

2015 telah mencatatkan rekod kejayaan selepas menyandang tempat ketiga dalam Kategori Sel Bahan Api Hidrogen Prototaip. Pada 2017, pasukan itu memecahkan rekod baharu dengan mencapai kedudukan 10 Teratas dalam Kategori Prototaip Bateri Elektrik.

Perkasa Darussalam terdiri daripada mahasiswa Sarjana Faculty of Integrated Technologies (FIT), UBD yang menawarkan

36 pengajar, 26 pelajar program pertukaran diraikan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU menyampaikan sijil kepada para peserta Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan di antara Sekolah-sekolah dari Kesultanan Oman dan Negara Brunei Darussalam (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Rabu, 15 Mac. - Seramai 39 tenaga pengajar dan 26 pelajar dari sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang menyertai Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan di antara Sekolah-sekolah dari Kesultanan Oman dan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Tahun 1443 / 2021 diraikan hari ini, dalam Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan serta Penyampaian Sijil, bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam dan Unit Program Ta'zeed Al-Lughah Al-'Arabiah Bil Madaris Al-'Arabiah itu turut diadakan secara langsung dan serentak di kedua-dua buah negara iaitu NBD dan Kesultanan Oman secara dalam talian.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil

bagi pihak NBD pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Manakala tetamu kehormat bagi pihak Kesultanan Oman pada majlis berkenaan ialah Penasihat Menteri Prestasi Pembangunan Bahasa, Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman, Dr. Masouma binti Habib Al-Ajmia.

Majlis turut dihadiri oleh Kuasa Usaha Sementara (Charge d'Affaires) Kedutaan Kesultanan Oman, Sultan bin Mohamed Al Azri.

Berucap pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU berkata, hubungan baik yang sedia terjalin di antara Kesultanan Oman dan NBD, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan Haitham bin Tariq Al Said, terus diertatkan lagi dengan kerjasama dan sokongan berterusan daripada Kesultanan Oman kepada NBD melalui Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan di antara sekolah-sekolah dari kedua-dua buah negara.

"Pertemuan kita pada hari ini merupakan tanda sokongan berterusan yang Kesultanan Oman hulurkan di dalam sebarang inisiatif yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah ugama dan Arab di NBD, terutamanya dalam memperkasakan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah ugama dan Arab," ujarnya.

KHEU, tambah Awang Haji Mohd. Serudin, berharap agar program ini menjadi platform permula untuk pertukaran dan perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman demi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi sekolah-sekolah Arab dan ugama di NBD.

Antara tujuan majlis ini

diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada tenaga-tenaga pengajar dan pelajar - pelajar dari sekolah-sekolah Arab dan ITQSHHB yang terlibat di dalam program berkenaan, di samping memberi tanda sokongan NBD melalui KHEU kepada Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman berhubung program-program yang telah dirancang.

Program Pertukaran Budaya dan Pendidikan antara Kesultanan Oman dengan NBD merupakan sebuah Program Berkembar (Twinning Programme) di antara pelajar-pelajar sekolah Arab dan ITQSHHB dengan beberapa buah sekolah di Kesultanan Oman.

Program tersebut merupakan salah satu sokongan kerjasama yang dihulurkan oleh Kesultanan Oman kepada NBD bagi mengembangukan lagi pengajaran bahasa Arab di NBD bagi bukan penuturnya.

Melalui program tersebut, pelajar-pelajar dapat mewujudkan budaya berdialog dan pertukaran bahasa dengan menggunakan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

kaedah komunikasi moden di samping memperkasakan penggunaan bahasa Arab bagi bukan penuturnya serta melahirkan pelajar-pelajar NBD yang boleh bertutur bahasa Arab sebagai bahasa kedua.

Rancangan program telah disusun oleh Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman dan berjalan selama 12 sesi dan diisikan dengan pertukaran pendidikan budaya dan warisan dari kedua-dua buah negara.

Program bermula secara serentak pada 18 Oktober, 2021 secara dalam talian melalui platform Microsoft Team dan telah pun selesai dilaksanakan pada tahun 2022.

Program ini diharapkan menjadi platform permula untuk pertukaran dan perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman demi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua bagi sekolah-sekolah Arab dan ugama di NBD.

PELAJAR CEMERLANG SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH DIRAIKAN



PARA pelajar yang diraikan pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Pelajar Cemerlang BC GCE 'O' Level / IGCSE Sesi 2022, berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Berita dan Foto : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 16 Mac. - Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Pelajar Cemerlang BC GCE 'O' Level / IGCSE Sesi 2022 yang diadakan merupakan satu pengiktirafan sangat bernilai kepada para pelajar yang telah berjaya memperoleh pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan GCE di peringkat 'O' dan IGCSE pada tahun 2022 lalu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Pelajar Cemerlang BC GCE 'O' Level / IGCSE Sesi 2022 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, di sini.

"Semoga majlis ini menjadi peristiwa yang bersejarah dan

menjadi inspirasi untuk terus bersaing bagi melakar kejayaan dan kecemerlangan pada masa-masa akan datang bukan sahaja dalam bidang akademik, malahan dalam pelbagai bidang selaras dengan arus perkembangan zaman dan Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melahirkan warganegara yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya, mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi negara yang dinamik dan

berdaya tahan," ujarnya.

Pada majlis itu, tetamu kehormat seterusnya menyempurnakan penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Peperiksaan BC GCE 'O' Level dan IGCSE, Anugerah Pelajar Terbaik Peperiksaan berkenaan, Hadiah Galakan Peperiksaan BC GCE 'O' Level dan IGCSE dan Penyampaian Hadiah Penghargaan kepada

jabatan-jabatan kepada para penerima anugerah.

Sekolah berkenaan sentiasa berusaha untuk mencapai misinya 'Mengoptimalkan Potensi Pelajar Melalui Pendidikan Menyeluruh', justeru, dengan adanya majlis tersebut diharap dapat memberi penghargaan kepada para pelajar yang telah mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan berkenaan.

Kempen KNK meneruskan promosi kempen pelancongan domestik

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan meneruskan kempen Kenali Negara Kitani (KNK) dengan menyertai Brunei MSME Festival 2023 anjuran Darussalam Enterprise (DARE) selama empat hari bermula dari hari ini sehingga 19 Mac 2023.

Objektif penglibatan dalam acara ini adalah tidak lain untuk mempromosikan kempen pelancongan domestik sebagai persediaan awal buat orang ramai untuk mengisi masa lapang bersama keluarga dan rakan sewaktu musim cuti penggal persekolahan yang akan bermula pada bulan April ini.

Melalui kempen ini, orang ramai dapat mengetahui pelbagai produk dan aktiviti pelancongan domestik yang akan ditawarkan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan.

Antara penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan yang bersama-sama turut serta dalam acara ini adalah Jerudong Park Country Club, Seria Energy Lab, Labi Coffee Farm, Angkasa Oud Agarwood Company, Poni Divers Group dan beberapa hotel di bawah Persatuan Hotel Brunei (Brunei Association of Hotels, BAH).

Syarikat-syarikat yang terlibat akan mempromosikan pelbagai pakej-pakej pelancongan menarik sesuai bagi setiap peringkat umur seperti aktiviti pelancongan



PELBAGAI pakej pelancongan menarik ditawarkan bagi orang ramai oleh penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan pada Brunei MSME Festival 2023 yang diadakan sehingga 19 Mac 2023 ini.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

berasaskan komuniti, *staycation* dan banyak lagi.

Pelbagai aktiviti menarik juga turut diadakan antaranya seperti KNK Mix & Match dan KNK Quiz untuk orang ramai dan pengunjung di petak pameran Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Jabatan ini menyeru orang ramai untuk beramai-ramai berkunjung ke MSME Festival

ini dan mengambil peluang untuk mendapatkan tawaran menarik dan menyokong pengusaha dan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan.

Bagi mengetahui maklumat lebih lanjut untuk merancang percutian yang hebat, bolehlah melayari laman sesawang www.bruneitourism.com atau kunjungi Instagram @info.bruneitourism.

Pembayaran Pakej Haji 2023 Darussalam Services Sdn. Bhd. kini dibuka

Siaran Akhbar : Darussalam Services Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Darussalam Services Sdn. Bhd. dengan sukacitanya mengumumkan bahawa pembayaran Pakej Haji 2023 kini telah dibuka.

Sebagai salah satu penyedia perkhidmatan Haji & Umrah terkemuka di Brunei, syarikat berkenaan berdedikasi untuk menyediakan para pelanggannya dengan perkhidmatan yang terbaik, dan berbangga untuk menawarkan rangkaian pakej yang komprehensif untuk memenuhi setiap bajet dan keutamaan.

Jemaah haji yang berniat boleh membuat pembayaran untuk pakej Delima dan Safira dari 16 hingga 18 Mac, manakala bayaran untuk pakej Zamrud boleh dibuat dari 20 hingga 22 Mac.

Darussalam Services Sdn. Bhd. yang terletak di tingkat bawah The Airport Mall akan dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Syarikat berkenaan juga ingin mengingatkan kepada bakal jemaah haji untuk membawa pasport, penyata Bank : Akaun Tekad Haji (TAIB) atau Haj Saver (BIBD), kad pengenalan, resit deposit, dan dokumen lain yang berkaitan seperti sijil nikah dan sijil kelahiran apabila membuat pembayaran.

Dokumen-dokumen ini penting untuk memastikan proses pembayaran berjalan lancar dan tanpa kerumitan.

Darussalam Services Sdn. Bhd. mempunyai rekod prestasi yang terbukti dalam menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan mereka, dan komited untuk memberikan perjalanan Haji yang indah dan selesa.

Pasukan profesional mereka yang berpengalaman sentiasa bersedia untuk menjawab sebarang soalan atau kebimbangan yang mungkin ada pada pelanggan mereka, dan berusaha untuk memastikan setiap aspek perjalanan Haji para pelanggan mereka akan dijaga.

Darussalam Services Sdn. Bhd. ialah sebuah agensi pelancongan terkemuka di Brunei yang menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan perjalanan, termasuk pakej haji dan umrah, tempahan penerbangan dan tempahan hotel.

Dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam industri pelancongan, syarikat berkenaan komited untuk menyediakan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada pelanggan mereka dan menjadikan pengalaman perjalanan mereka selesa dan menyenangkan.



'Siuknya Sedekah 5.0' bantu mereka yang memerlukan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Jabatan Penerangan, Infografik Kumpulan Belia 'Ibadurrahman

PROGRAM 'Siuknya Sedekah 5.0' merupakan program sempena menyambut bulan Ramadan bagi tahun 1444 Hijrah yang bertujuan sebagai salah satu wadah bagi para belia mempraktikkan sikap bekerjasama dan bergotong-royong dalam mengendalikan program-program berkebakikan dan membantu masyarakat yang memerlukan. Program merupakan anjuran Kumpulan Belia 'Ibadurrahman dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJT) Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan pengendalian program ini telah mendapat kebenaran daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Pengenalan

Projek 'Siuknya Sedekah 5.0' yang akan diadakan ini adalah kesinambungan daripada projek Siuknya Sedekah 1.0, 2.0, 3.0 dan 4.0 yang pernah diadakan pada tahun-tahun sebelum ini. Projek kali kelima ini akan turut disertai oleh peserta program 'Digitally Intellectual Youth' dan sukarelawan yang akan turut membantu ahli Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkiah nanti.

Program berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2016 dan merupakan aktiviti tahunan Kumpulan Belia 'Ibadurrahman dan AJT masjid berkenaan.

Projek 'Siuknya Sedekah 5.0' ini merupakan projek berbentuk khidmat masyarakat di mana penganjur akan mengumpulkan beberapa jenis barang asasi yang diperlukan daripada orang ramai dan

kemudian akan diagihkan kepada golongan sasaran yang memerlukan.

'Siuknya Sedekah 5.0' bermula pada Jumaat, 17 - 19 Mac 2023 dari 2.00 petang hingga 7.30 malam bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan diadakan secara pandu lalu, yang mana para penderma turut menyumbangkan barangan asasi yang diperlukan berupa minyak (maksima dua liter), gula (dua kilogram), garam (satu paket besar), biskut (satu tin), air mineral (satu karton), kordial sirap (satu liter) dan beras (10 kilogram).

Sementara itu, barangan asasi yang disumbangkan dibungkus oleh Ahli-ahli Jawatankuasa dan para sukarelawan pada 19 - 20 Mac.

Manakala pengagihan barang-barang sumbangan akan diagihkan kepada masyarakat yang kurang berkemampuan yang dikenal pasti pada 21 - 26 Mac mengikut masa yang ditetapkan oleh ahli jawatankuasa dan sukarelawan untuk menghantar ke rumah para penerima.

Matlamat 'Siuknya Sedekah 5.0'

Matlamat utama mengadakan program 'Siuknya Sedekah 5.0' yang berkebakikan ini adalah bagi sama-sama menyahut seruan agama Islam untuk memperbanyakkan sedekah, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang penuh berkah dan memupuk sifat saling tolong-menolong serta saling sayang-menyayangi di antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Kitab

Suci Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam.

Objektif

Program 'Siuknya Sedekah 5.0' ini dihasratkan untuk mencapai beberapa objektif seperti memupuk sifat suka bersedekah dalam diri individu dengan membuka ruang dan peluang untuk beramal bersama masyarakat, di samping untuk memupuk kepekaan dan keprihatinan dalam diri individu khususnya golongan belia akan keadaan masyarakat di sekeliling dan menghulurkan bantuan. Selain itu, ia juga bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam diri individu dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh ikutan terbaik bagi menggapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Anggaran penerima

Dianggarkan sebanyak 50 - 70 buah keluarga terdiri daripada penduduk di kawasan pedalaman yang dikenal pasti di Daerah Tutong iaitu di Kampung Lamunin, Kampung Layong, Kampung Menengah, Kampung Bukit Sulang, Kampung Pangkalan Tangsi di Mukim Lamunin dan Kampung Penapar di Mukim Tanjong Maya. Adapun anggaran penerima sumbangan adalah tertakluk kepada kuantiti barangan yang disumbangkan oleh masyarakat dan para dermawan.

Penutup

Kerjasama dari semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak

memainkan peranan yang amat penting dalam menjayakan program ini. Program ini diharap dapat mencapai objektif-objektif yang disasarkan dan mampu memberikan kesan yang positif dalam jiwa setiap individu masyarakat sehingga melahirkan masyarakat yang beracukan Al-Quran dan Al-Hadis. Seterusnya, membina jati diri individu yang mempunyai sifat keprihatinan kepada masyarakat sekeliling dan membina bangsa yang bercirikan sifat-sifat keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang holistik.

Dalam pada itu, amalan bersedekah merupakan antara amalan yang paling baik dan paling disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Melalui sedekah, harta tidak akan berkurang dan ia sebagai bukti keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Agama Islam juga menggalakkan umatnya supaya hidup saling tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah kebaikan dan ketakwaan kerana dengan berbuat demikian boleh menimbulkan perasaan hormat menghormati, kasih mengasihi dan saling sayang menyayangi di antara satu sama lain. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 2, tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksanya".



INDUSTRI KOTEJ



Manfaatkan minat membuat kek roll sebagai satu pendapatan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Dk. Syazwina Sarah
Bazilah binti Pengiran Samayuda

RUANGAN Kotej Industri kali ini mendekati seorang pengusaha pembuat kek roll iaitu Dayangku Syazwina Sarah Bazilah binti Pengiran Samayuda, berumur 24 tahun dan berkelulusan Diploma in Culinary Arts dari Wollongong KDU Universiti, Malaysia. Beliau memulakan perusahaannya menjual kek roll setelah kembali ke tanah air setelah berjaya menamatkan pengajian dari luar negara. Perusahaan yang dikenali melalui laman instagramnya @daripada.lulu mula beroperasi sekitar tahun 2021 dari rumah secara dalam talian.

Kek roll buatan Dayangku Syazwina mempunyai keunikan yang tersendiri, ini kerana beliau cuba menampilkan kelainan dari segi rasa dan bentuk berbeza daripada kek-kek roll yang berada di pasaran tempatan.

Menurut Dk. Syazwina, beliau memulakan perusahaannya dalam pembuatan kek roll secara 'home-based' bermula pada bulan Oktober 2021.

"Saya memang mempunyai minat dalam pembuatan kek roll sejak berada di zaman sekolah menengah dan setelah tamat pengajian di sekolah menengah, saya mengambil peperiksaan GCE A Level. Oleh kerana minat yang mendalam dan ingin

menimba ilmu dalam pembuatan kek ini, saya mengambil keputusan untuk belajar di luar negara iaitu Malaysia dan mengambil jurusan dalam kulinari. Alhamdulillah semasa menuntut di Wollongong KDU Universiti saya belajar banyak tentang pembuatan kek dan ia memberikan saya sedikit sebanyak idea jenis-jenis kek yang ada, di samping itu terdapat kafe-kafe dan restoran di negara tersebut yang juga memberi saya inspirasi lagi," jelasnya.

Tambahnya lagi, beliau sejak dari dulu lagi memang berminat untuk memulakan perusahaannya dalam pembuatan kek roll dan berpendapat di negara ini memang tidak banyak kedai *dessert* yang khusus dalam pembuatan kek roll berkenaan.

Menyentuh mengenai kek roll pula ujaninya, buat masa ini ada empat perisa kek roll yang dijual dalam dua kotak kek roll di mana setiap kotak terdapat kek roll yang mempunyai perisa yang berbeza iaitu "The D.L Duo Box" mengandungi Kek Roll Buah dan Kek Roll Coklat dengan Jelly Kopi; dan "The Kasih Box" mengandungi Kek Roll Velvet dengan *filling* krim keju dan strawberi dan Roll Pink Velvet dengan Jelly Ros Laici.

Menurutnya lagi antara kek-kek roll tersebut Kek Roll Buah memang yang paling terlaris sekali dan mendapat tempat di hati penggemarnya.

Apabila ditanya mengenai sambutan yang diterima daripada pelanggan, beliau menjelaskan, Alhamdulillah, sambutan amat

mengalakkan di mana ianya mempunyai pelanggan yang sering membuat tempahan setiap minggu dan setiap kali membuka tempahan, kek roll akan terjual laris.

"Kebanyakan pelanggan-pelanggan saya suka kek-kek roll saya dan mengatakan kek roll saya memang unik dan lain daripada yang lain. Selain itu, ada juga segelintir pelanggan yang turut memberikan idea untuk menambah lagi perisa kek roll saya untuk menu di masa akan datang. Saya juga mengambil maklum dan menerima maklum balas yang baik dari para pelanggan dalam menambahbaikkan kek roll saya," terangnya.

Menurutnya lagi sepanjang bulan sebelum tarikh pelancaran perusahaannya kek roll pada tahun 2021, adalah yang paling mencabar di mana seluruh proses merancang dan membangunkan resipi yang sempurna adalah sangat menggembirakan dan kesemuanya dilakukan sendiri dengan bantuan daripada ahli keluarga dan kawan rapat.

Ujarnya lagi dia banyak belajar sepanjang mengusahakan yang membuatnya berasa lebih bersedia dan yakin untuk bergerak ke hadapan walaupun ianya kadang-kadang amat memenatkan tetapi tetap mendapatkan rehat yang secukupnya dan melakukan yang lebih baik pada keesokan harinya.

Selain berniaga dari rumah beliau menggunakan platform media sosial seperti Instagram dan TikTok mempromosikan kek roll beliau. Jelasnya, platform berkenaan

memainkan peranan penting dalam memasarkan dan mempromosikan perniagaannya.

Selain itu ujaninya, dia juga sering mengadakan 'live' di Instagram kepunyaannya iaitu @daripada.lulu dan TikTiknya, *daripada.lulu*, kerana melalui 'live' tersebut, orang ramai dapat menonton caranya membuat kek roll dan dalam masa yang sama dapat berinteraksi secara *live*.

Setiap orang pastinya mempunyai harapan dalam apa jua usaha yang dilakukan dan begitu juga dengan Dayangku Syazwina yang menaruh harapan agar perusahaannya kek rollnya yang baharu sahaja mencapai satu tahun lebih ini akan terus menerima sambutan yang baik dan berhasrat akan menambah menu kek roll yang lain pula, InsyaaAllah.

Sebelum mengakhiri temu bual, beliau juga turut memberikan kata nasihat kepada beliau yang ingin berkecimpung dalam bidang perusahaannya dan memulakan perniagaannya berasaskan dari rumah (*home-based*) agar meneruskan keinginan tersebut dan jangan biarkan sesiapa menghalang keinginan tersebut dalam mengejar impian yang dicita-citakan. Disiplinkan diri untuk bekerja keras dan bijak. Terlebih dahulu buat *research* yang betul di pasaran dan untuk membangun produk/perkhidmatan dan jangan malu untuk meminta bantuan. Di samping itu, sistem sokongan yang kukuh juga amat diperlukan seperti dari ahli keluarga.

MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH SEKAMPUNG TERUS DIADAKAN



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung bagi Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Juga hadir, ketua-ketua kampung, pemangku ketua kampung, para jemaah serta penduduk kampung berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Bagi menyemarakkan lagi kedatangan bulan Ramadan, sudah menjadi satu kelaziman bagi setiap masyarakat Islam di negara ini mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung bagi Masjid Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha (RIPAHS) diadakan lewat petang hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Juga hadir, ketua-ketua kampung, pemangku ketua



kampung, para jemaah serta penduduk kampung berkenaan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah serta Sembahyang Hajat yang diimamkan oleh Bilal Masjid berkenaan, Awang Haji Sudirman bin Haji Metusin.

Sementara itu, bacaan Surah

Al-Fatihah dan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Ketua Imam Masjid RIPAHS, Mohamad Adham bin Hashim, diikuti dengan bacaan Tahlil dipimpin oleh Imam Masjid RIPAHS, Pengiran Nur Firdaus bin Pengiran Metussin.

Majlis kemudian diakhiri dengan Doa Tahlil dan serta menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Dorongan serta doa keluarga pembakar semangat



PELATIH Lelaki Terbaik Kawad, 13476 Muhammad Sukhairol Suharae bin Abdulah Suhardi; Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 13693 Mohammad Addey bin Someun; Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan, 13292 Muhammad Nur Iffat Fadlullah bin Fandi; Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan, 13370 Hazirah Maisarah binti Hamdillah; Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani, 13560 Rabiatal Adawiyah binti Shahminan; dan Pelatih Perempuan Terbaik Kawad, 13590 Nur Insyirah Batrisya binti Haji Zainuddin.

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TEMBURONG, Khamis, 16 Mac. - Menyertai Program Khidmat Bakti Negara dapat membantu untuk mendisiplinkan diri supaya nanti dapat berdikari dan mampu berdiri di atas kaki sendiri tanpa mengharapkan bantuan orang lain terutama sekali orang di sekeliling yang sebelum ini telah banyak berkorban.

Penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Kawad iaitu 13476 Muhammad Sukhairol Suharae bin Abdulah Suhardi, 20 tahun, menyatakan demikian semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-11 di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi.

Sebelum menyertai PKBN, beliau merupakan lepasan graduan dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Business Campus dalam bidang Business and Administration dan yang mendorong beliau untuk menyertai PKBN ialah dirinya sendiri sehingga berjaya meraih Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Kawad.

"Saya memang tidak menyangka kerana dianugerahkan Pelatih Lelaki Terbaik Kawad memandangkan semua pelatih adalah terbaik cuma rezeki berpihak kepada saya dan ia

adalah berkat doa keluarga terutama sekali nenek saya.

"Selepas ini, insyaaAllah, saya akan terus berusaha dan mempraktikkan apa yang telah diajar oleh jurulatih-jurulatih di PKBN dengan penuh dedikasi serta berkualiti," ujarnya.

Beliau juga berpegang agar berpegang kepada empat prinsip hidup, iaitu DUIT - Doa, Usaha, Ikhtiar dan Tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Kawad diberikan kepada 13590 Nur Insyirah Batrisya binti Haji Zainuddin, 17 tahun, yang selepas ini akan melanjutkan pelajarannya ke Politeknik Brunei dalam jurusan Kejururawatan.

Setelah menyertai PKBN, beliau sedar untuk jangan terlalu memanjakan diri dan jangan sekali-kali berputus asa di dalam melakukan sesuatu.

"Sepanjang berada di PKBN, semangat kekuatan saya ialah kedua ibu bapa saya dan mereka juga yang telah mendorong saya untuk menyertai PKBN yang sedikit sebanyak dapat membantu memantapkan lagi disiplin diri.

"Untuk para belia di luar sana, jangan takut untuk mencuba kerana untuk menempuh kehidupan bukanlah senang dan

pengurusan masa itu juga penting dalam hidupan harian," jelasnya.

Bagi belia yang ingin menyertai PKBN tambahnya, kuatkan semangat dan pastikan diri awda jenis tahan maki.

Sementara itu, penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, 13693 Mohammad Addey bin Someun, 21 tahun, baru saja menamatkan pengajian di IBTE Mechanical Campus dalam bidang Blasting & Painting.

"Saya menyertai PKBN kerana bagi melengkapkan pembelajaran di IBTE selain berusaha untuk memperoleh apa yang telah saya raih pada hari ini.

"Sepanjang berada di PKBN, saya belajar tentang untuk sentiasa bersemangat dan jangan mudah berputus asa di dalam melakukan sesuatu," katanya.

Menyentuh mengenai perasaannya apabila diumumkan sebagai penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Jasmani, beliau merasa bangga dan tidak menyangka sama sekali kerana terpilih menjadi pelatih jasmani terbaik.

Beliau juga menasihatkan para belia agar sentiasa berfikir positif dan sentiasa patuh kepada arahan yang diberikan.

Bagi penerima Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Jasmani,

Keseluruhan.

"Ini juga adalah berkat sokongan dan doa kedua ibu bapa serta keluarga saya dan orang-orang di sekeliling yang tidak pernah jemu untuk menyokong," luahnya.

Tambahnya, untuk belia di luar sana teruskan berusaha dan jangan pernah berhenti untuk berjuang kerana setiap permulaan pasti ada penghujungnya yang berbaloi jika kita terus bersemangat.

Anugerah Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan diberikan kepada 13370 Hazirah Maisarah binti Hamdillah, 19 tahun, baru saja menamatkan persekolahannya di Sekolah Menengah Sayyidina Hassan.

Kedua ibu bapanya melihat potensi yang ada pada dirinya adalah menjadi pendorong untuk dirinya menyertai PKBN pada pengambilan kali ini dan ternyata, ia tidak sia-sia kerana beliau terpilih sebagai Pelatih Perempuan Terbaik Keseluruhan.

"Saya merasa sangat bersyukur dan gembira kerana dapat membanggakan kedua ibu bapa dan keluarga saya.

"Kejayaan yang saya peroleh pada hari ini adalah usaha saya selama menyertai PKBN, antaranya ialah dengan banyak menceburi setiap aktiviti, menjadi Top 5 di setiap peperiksaan IFA dan BFT serta pandai dalam bidang berkawad juga berani dan jangan sentiasa berasa berpuas hati," jelasnya.

Menurutnya, para belia haruslah mengambil peluang yang ada kerana ia merupakan tempat di mana mereka dapat menyerlahkan kepandaian serta bakat yang terpendam dalam diri mereka.

Perancangan beliau selepas ini ialah ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya dan akan mencuba untuk menceburi diri dalam bidang ketenteraan.

13560 Rabiatal Adawiyah binti Shahminan, 18 tahun, yang mendorong beliau untuk menyertai PKBN ialah kedua ibu bapanya memandangkan beliau memang seorang yang tahan lasak dan bercita-cita untuk menceburi diri dalam bidang ketenteraan.

"Sebelum ini saya bersekolah di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Kampung Mentiri dan selepas ini saya mungkin akan menyertai pengambilan rekrut askar wanita.

"Perasaan saya setelah dianugerahkan menjadi salah seorang yang terbaik ialah saya merasa amat bersyukur dan berbangga kerana diberi kepercayaan sepanjang saya berada di PKBN," ujarnya.

Penerima Anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan iaitu 13292 Muhammad Nur Iffat Fadlullah bin Fandi, 17 tahun, sebelum ini merupakan bekas pelajar di Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait.

Menurutnya, yang mendorong beliau untuk menyertai PKBN adalah dirinya sendiri kerana ingin meningkatkan disiplin diri, belajar untuk mengurus masa dan keluar dari zon selesa.

"Alhamdulillah, usaha saya membuahkan hasil yang tidak dijangkakan kerana terpilih sebagai Pelatih Lelaki Terbaik

PSW ANJUR JUALAN BAZAR AMAL

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman semasa memotong reben bagi merasmikan bazar tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Dalam usaha untuk membantu rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria, Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSW) mengadakan Bazar Amal Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria bertempat di Bangunan PGGMB yang bermula hari ini hingga 17 Mac 2023.

Projek ini diadakan sebagai salah satu inisiatif PSW selaku salah satu badan NGO di negara ini dalam sama-sama berganding bahu dalam melakukan kerja amal sekali gus mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir dan seterusnya melancarkan bazar tersebut, hari

ini, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Mirany Floridzah binti Abdul Rahman yang kemudiannya meninjau jualan-jualan yang terdapat di bazar berkenaan.

Di samping itu, PSW juga ingin memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil (yang kurang berkemampuan dan hilang pergantungan seperti ibu tunggal) dan sederhana (MSME) untuk ikut



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat meninjau antara barang jualan yang terdapat di Bazar Amal Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

bersama-sama menyertai aktiviti berkebajikan dalam menambah pendapatan melalui jualan dalam Bazar Amal.

Hasil penjualan meja sebanyak BND100 selama tiga hari disalurkan sepenuhnya kepada Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

PSW juga mengalu-alukan para peniaga (vendor) untuk

menyumbangkan sebahagian hasil penjualan mereka kepada tabung kemanusiaan, namun jumlahnya adalah seangkatan-hati.

Sementara itu, hasil penjualan Bunga Ros yang bermula 7 Mac hingga akhir April 2023 akan disalurkan sepenuhnya kepada Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

DARI MAHKAMAH

Bersubahat : 3 lelaki warga asing dihadapkan ke mahkamah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Seramai tiga individu warganegara Malaysia dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas 45 pertuduhan di bawah Bab 420 Kanun Hukuman Jenayah dibaca dengan Bab 109 yang sama kerana bersubahat menipu Hyatt Borneo Management Services (HBMS), sebuah syarikat penyedia perkhidmatan di Istana Nurul Iman.

Siasatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati Perusahaan Ala Haji Bolhassan, pembekal tepung lama kepada HBMS telah membekalkan tepung penaik jenama DAWN yang sudah tamat tempoh kepada HBMS.

Tepung penaik DAWN tersebut didakwa merupakan lebih daripada tempahan yang dibuat oleh Perusahaan Ala Haji Bolhassan semasa pandemik COVID-19 dan tepung tersebut tidak terjual sehingga mecapai tarikh luputnya.

Selepas wabak pandemik COVID-19 berakhir dan penamatan sekatan mengadakan acara besar, syarikat tersebut terus menjual tepung yang telah tamat tempoh termasuk kepada HBMS.

Operasi yang dijalankan oleh BMR pada bulan Jun 2022 telah membawa kepada penahanan Pengurus Besar Perusahaan Ala Haji Bolhassan, Sam Ying Kok; Cef Pastru HBMS, Isak bin Rahmat dan Pengurus Bahan HBMS, Abdul Sani bin Abdul Motalib.

Siasatan BMR seterusnya mendapati bahawa Sam Ying Kok, 51 tahun, telah terlibat dalam konspirasi dengan Isak bin Rahmat, 56 tahun, Abdul Sani bin Abdul Motalib, 56 tahun, untuk menipu HBMS dengan memperdaya HBMS untuk mepercayai bahawa DAWN Baking Flour yang dibekalkan dan dihantar oleh Perusahaan Ala Haji Bolhassan antara 1 Februari 2021 sehingga 1 Mac 2022 tidak luput dan hasil daripada konspirasi penipuan tersebut telah menyebabkan HBMS untuk membuat pembayaran sebanyak BND25,780.

Tiada pengakuan direkodkan daripada kesemua tiga defendan dan Majistret Kanan, Hajah Ery Sufitriana binti Haji Abdul Rahman telah menetapkan 13 April 2023 untuk sebutan lanjut kes ini.

Pendakwaan kes ini dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi Nuraza binti Pengiran Haji Latif dan Ang Swee Kiang mewakili Sam Ying Kok dan Isak bin Rahmat. Manakala Abdul Sani bin Abdul Motalib tidak diwakili oleh Peguambela.

Warga tempatan dijatuhkan hukuman

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Seorang lelaki, warga tempatan, dijatuhkan hukuman bagi dua pertuduhan di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006 dan di bawah Seksyen 152 (b) Perintah Eksais, 2006.

Bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 152 (b) Perintah Eksais, 2006 iaitu gagal mematuhi arahan daripada Pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) yang bertugas, tertuduh dijatuhkan hukuman

denda sebanyak BND1,500.00 atau satu bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda tersebut. Sementara, pertuduhan kedua di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006, tertuduh dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND126,000.00 atau 21 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Tertuduh, Jasman bin Aman mengaku bersalah dan hukuman dijatuhkan oleh Majistret Kanan, Hajah Ery Sufitriana binti Haji Abdul Rahman, di Mahkamah Majistret, di sini.

Jasman, berumur 42 tahun, didakwa memiliki 3,261 tin minuman keras berbagai jenis di dalam sebuah kenderaan di kawasan Kampung Labu Estate, Temburong semasa tangkapan dibuat oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, JKED, Cawangan Daerah Brunei dan Muara, pada 6 September 2020, jam 6.05 petang.

Semua barang-barang yang terlibat iaitu minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Perintah ganti rugi disemak semula

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Mahkamah Tinggi telah mendengarkan permohonan seorang pesalah yang telah menyeleweng lebih BND50,000 yuran pelajar di sekolah tempatnya bekerja.

Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon telah membenarkan permohonan defendan, Mary anak Aluson yang telah diwakili oleh Peguam Wafa Mohamad dari Ridzlan and Co.

Defendan Mary mengaku bersalah di Mahkamah Majistret pada 23 Ogos 2022 atas tuduhan melakukan pengkhianatan dan diperintahkan untuk menyelesaikan denda sebanyak BND5,000 atau menjalani penjara lima bulan jika gagal membayar.

Selain itu, dia juga diperintahkan membayar ganti rugi kepada pihak sekolah itu sebanyak BND51,443 dalam tempoh enam bulan dari tarikh hukuman dijatuhkan atau berdepan hukuman penjara tambahan enam minggu jika gagal membayar ganti rugi.

Defendan telah menyalahgunakan yuran sekolah berjumlah BND53,881.59 yang dikutip daripada ibu bapa pelajar di sekolah tempatnya bekerja antara Oktober 2011 dan April 2012. Walau bagaimanapun, dia telah memulangkan wang berjumlah BND2,210.

Peguam Wafa Mohamad dalam rayuan tersebut menimbulkan isu kesilapan majistret dalam menjatuhkan hukuman yang salah berdasarkan perintah ganti rugi tanpa memeriksa terlebih dahulu sumber kewangan defendan.

Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Azmeena binti Pengiran Haji Mohiddin mengakui silap dengan permohonan tersebut tanpa menilai sumber kewangan defendan sebelum membuat perintah ganti rugi.

Ketua Hakim Mahkamah Besar memetik satu kes undang-undang yang menyatakan 'perintah ganti rugi tidak membentuk sebahagian daripada hukuman atau menjadi alternatif kepada hukuman dan ia tidak boleh digunakan sebagai hukuman tambahan kepada orang yang dihukum'.

Kes undang-undang ini juga menyatakan 'perintah ganti rugi hendaklah tidak menindas tetapi haruslah realistik dan mahkamah harus berpuas hati bahawa yang dihukum hendaklah mempunyai sumber kewangan yang tersedia atau akan mempunyai sumber kewangan untuk membayar ganti rugi dalam masa yang munasabah'.

Peguam Wafa Mohamad mencadangkan anak guamnya dibenarkan membayar ganti rugi sebanyak BND20,443 dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak BND1,500 bermula hujung April.

Ketua Hakim Mahkamah Besar mendengarkan bahawa defendan tidak bekerja tetapi anak lelakinya yang bekerja sebagai Rigger, menerima upah harian sebanyak BND100, akan membantunya membuat pembayaran. Cadangan itu juga dianggap munasabah oleh responden.

Ketua Hakim Mahkamah Besar kemudiannya membatalkan perintah sebelum ini dan menggantikannya dengan cadangan perayu dan jika gagal memenuhi bayaran ansuran, dia akan menjalani hukuman penjara enam minggu.

CANSELOR JERMAN TIDAK NAMPAK RISIKO KRISIS KEWANGAN DI EROPAH SUSULAN KERUNTUHAN SVB

BERLIN, 17 Mac. - Canselor Jerman Olaf Scholz pada Khamis berkata beliau tidak melihat risiko krisis kewangan baharu di Jerman dan Eropah selepas kejatuhan Bank Silicon Valley di Amerika Syarikat (AS) dan keadaan tidak menentu dalam bank pelaburan global Credit Suisse yang berpangkalan di Switzerland.

"Saya tidak nampak bahayanya."

Sistem monetari tidak lagi rapuh seperti sebelum krisis kewangan [2008]," kata Scholz kepada akhbar Handelsblatt.

Pemimpin Jerman itu berkata beliau tidak menjangkakan perkembangan terkini dalam sektor perbankan global memberi kesan serius kepada pendeposit Jerman, lapor Sputnik

"Deposit penyimpan Jerman

selamat. Bukan sahaja disebabkan oleh peningkatan daya tahan sistem perbankan dan peraturan yang lebih ketat malah pengukuhan kuasa ekonomi kita," kata Scholz.

Minggu lepas, pengawal selia California menutup Silicon Valley Bank (SVB), bank terbesar AS yang ditutup sejak krisis kewangan 2008. Masalah SVB dipercayai

berkait dengan kenaikan kadar faedah oleh Sistem Rizab Persekutuan yang menyebabkan kemerosotan nilai aset dalam kunci kira-kira kebanyakan institusi kewangan selain pengurusan risiko yang lemah.

Pada Ahad, pihak berkuasa menutup Signature Bank yang berpangkalan di New York kerana risiko sistemik dengan ia merupakan kegagalan bank yang ketiga terbesar dalam sejarah AS.

Pada Rabu, harga saham Credit Suisse menjunam hampir 30 peratus sekali gus mencetuskan kebimbangan mengenai masalah mudah tunai. Pihak Berkuasa



Penyeliaan Pasaran Kewangan Switzerland pada hari yang sama berkata Credit Suisse memenuhi keperluan kecairan dan Bank Negara Switzerland akan menyediakan mudah tunai jika perlu.

Pada hari Khamis, Credit Suisse mengumumkan penjualan aset lebih AS\$3 bilion dengan Majlis Persekutuan Switzerland mengadakan mesyuarat tergempar pada Khamis untuk membincangkan situasi itu. - ©BERNAMA-SPUTNIK

Pakistan nafi spekulasi mengenai program nuklear

NEW DELHI, 17 Mac. - Kerajaan Pakistan menolak spekulasi bahawa kuasa Barat mungkin menggunakan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk memaksanya menyekat program nuklear dan peluru berpandu sebagai balasan kepada sokongan kewangan.

"Spekulasi mengelirukan mengenai program nuklear dan peluru berpandu Pakistan tidak benar," kata Perdana Menteri, Shehbaz Sharif pada Khamis.

"Program nuklear kami adalah untuk tujuan pencegahan," katanya.

Menteri Kewangan, Ishaq Dar sebelum ini menuduh IMF mengamalkan sikap berbeza dalam rundingan bagi meluluskan dana baharu dalam pakej penyelamat bernilai berbilion dolar yang dipersetujui pada 2019

"Rundingan mengenai masa yang terlalu panjang dan lama, namun kami telah menyelesaikan segala-galanya," kata Dar pada sesi di Dewan Negara.

Spekulasi bahawa Amerika Syarikat mahu menyekat program nuklear dan peluru berpandu

Pakistan bukanlah perkara baharu tetapi ekor masalah tunai, Pakistan terpaksa mendapatkan bantuan kewangan daripada IMF dan negara-negara sahabat.

"Tiada sesiapa pun berhak untuk memberitahu Pakistan jenis peluru berpandu dan senjata nuklear yang boleh dimilikinya," kata Dar kepada Senat.

Antara senjata dalam sistem persenjataan Pakistan adalah peluru berpandu Shaheen-III dengan jarak 2,750 km, yang meliputi sebahagian besar Asia Selatan dan Asia Barat dan dibimbangi Israel. - ©BERNAMA

China dakwa Washington tiada bukti Tik Tok ancam keselamatan negara AS

ISTANBUL, 17 Mac. - China pada Khamis mendakwa Washington tidak memberikan sebarang bukti bahawa aplikasi perkongsian video Tik Tok merupakan ancaman pada keselamatan negara Amerika Syarikat (AS).

"AS masih belum membuktikan bahawa Tik Tok mengancam keselamatan negaranya," lapor Anadolu Agency memetik kenyataan jurucakap Kementerian Luar China Wang Wenbin pada sidang akhbar di Beijing.

Wang menuduh Washington

menyebarkan maklumat salah dan menyekat Tik Tok.

"AS wajar berhenti menyebarkan maklumat salah tentang keselamatan datanya, berhenti daripada menindas syarikat yang berkaitan dan menyediakan persekitaran yang terbuka, adil dan tidak mendiskriminasi peniagaan asing untuk melabur dan beroperasi di AS," katanya.

Kebimbangan Beijing terhadap kemungkinan tindakan oleh Washington terhadap aplikasi perkongsian video itu muncul selepas pemilik Tik Tok China berkata pentadbiran Biden telah

meminta mereka menjual saham syarikat itu atau berhadapan risiko diharamkan di AS.

"China percaya bahawa keselamatan data tidak boleh digunakan sebagai alat untuk menyalahgunakan konsep keselamatan negara dan kuasa negara untuk menindas syarikat asing," kata Wang.

Menurut eksekutif platform itu, 60 peratus saham syarikat induk Tik Tok ByteDance dimiliki oleh pelabur asing, 20 peratus oleh pekerja manakala 20 peratus lagi oleh pengasasnya. - ©BERNAMA-ANADOLU

Biden umum perintah eksekutif baharu untuk tangani keganasan akibat senjata api

WASHINGTON, 15 Mac. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden mengeluarkan perintah eksekutif baharu pada Selasa bagi mengekang keganasan disebabkan senjata api dengan meningkatkan pemeriksaan latar belakang untuk jualan senjata, sebagai tambahan kepada tindakan lain sedia ada.

Pengumuman itu dibuat semasa presiden melawat bandar yang didominasi oleh penduduk Asia Amerika di selatan California, yang menyaksikan insiden tembakan terburuk tahun ini semasa orang ramai meraikan Tahun Baharu.

Dalam kejadian pada 22 Jan itu, 11 orang terbunuh kebanyakannya warga emas, manakala sembilan lagi cedera apabila seorang lelaki bersenjata memasuki dewan tarian di Monterey Park dan melepaskan tembakan.

Penembak, Huu Can Tran, 72, meninggal dunia di dalam kenderaannya akibat kecederaan terkena tembakan sendiri ketika bergelut dengan penguatkuasa undang-undang.

Ketika bercakap kepada

penduduk di situ, Biden menyifatkan insiden itu yang merupakan antara kes tembakan terbesar dan paling teruk dalam sejarah California, sebagai tragedi yang menusuk jiwa.

"Saya di sini bersama anda hari ini untuk bertindak," katanya. "Saya mengumumkan satu lagi perintah eksekutif yang akan menyegerakan usaha untuk menyelamatkan lebih banyak nyawa dengan lebih cepat."

Perintah baharu presiden itu bertujuan menyekat pemilikan senjata api daripada kalangan golongan yang berbahaya menerusi peningkatan penguatkuasaan undang-undang "red flag" yang berkesan, mengukuhkan usaha untuk memastikan industri senjata api yang lebih bertanggungjawab selain mempercepat usaha penguatkuasaan undang-undang untuk mengenal pasti dan menangkap penembak yang mengancam komuniti," menurut Rumah Putih dalam satu kenyataan.

la secara khusus akan

meningkatkan pemeriksaan latar belakang yang diperlukan untuk pembelian senjata api tanpa undang-undang baharu daripada Kongres.

Undang-undang "red flag" akan membantu pihak berkuasa merampas senjata api sementara daripada individu yang dianggap berbahaya selain mengurangkan jumlah senjata api yang dilaporkan hilang semasa penghantaran daripada pengilang kepada pengedar.

Jumlah pemilikan senjata api telah meningkat secara mendadak daripada 1,700 senjata api pada 2018 kepada lebih daripada 6,100 pada 2022, menurut Rumah Putih.

Biden juga mengarahkan Kabinetnya supaya mencari jalan bagaimana kerajaan persekutuan boleh membantu komuniti yang terjejas akibat keganasan senjata api dengan lebih baik selain meminta Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan mengkaji dan melaporkan cara pengeluaran senjata api memasarkan senjata api kepada golongan bawah umur. - ©BERNAMA

Singapura import 1GW elektrik rendah karbon dari Kemboja

MOSCOW, 17 Mac. - Singapura akan mengimport 1 gigawatt elektrik rendah karbon dari Kemboja tidak lama lagi, yang merupakan import elektrik terbesar negara itu setakat ini, kata Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura pada Khamis.

"Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga (EMA) memberi kelulusan bersyarat kepada Keppel Energy Pte. Ltd. untuk mengimport 1 gigawatt (GW) elektrik dari Kemboja. Ia adalah kelulusan bersyarat pertama import elektrik oleh EMA yang menandakan peristiwa penting dalam usaha Singapura untuk mengimport sehingga 4 GW elektrik rendah karbon menjelang 2035," kata EMA dalam satu kenyataan.

Elektrik yang diimport itu dihasilkan menerusi kaedah rendah karbon, termasuk loji kuasa hidro, solar dan angin dan dipindahkan melalui kabel baharu dasar laut, menurut kenyataan itu.

Singapura adalah antara negara yang bersedia untuk beralih kepada ekonomi hijau. Kenaikan harga tenaga pada 2022 mendorong Singapura untuk menamatkan pergantungannya kepada bahan api fosil, lapor Sputnik. - ©BERNAMA-SPUTNIK

Tentera Ukraine tingkatan serangan di wilayah Zaporizhzhia

SIMFEROPOL (Ukraine), 16 Mac. - Tentera Ukraine telah meningkatkan serangan mereka di wilayah Zaporizhzhia, namun dipatahkan oleh tentera Rusia, kata ahli majlis utama pentadbiran wilayah Zaporizhzhia Vladimir Rogov, lapor Sputnik.

Pada Rabu, pergerakan tentera di daerah Polohivskiy di wilayah Zaporizhzhia juga digagalkan dan terpaksa kembali ke kedudukan asal.

Rusia menganggap wilayah Zaporizhzhia sebagai sebahagian daripada wilayahnya sejak 30 September 2022, apabila Presiden Vladimir Putin dan ketua wilayah itu menandatangani perjanjian penyatuan dengan Rusia susulan referendum yang disokong majoriti besar penduduk tempatan.

Kira-kira 70 peratus wilayah itu kini dikuasai oleh Rusia namun tentera Ukraine masih menguasai ibu negeri dan bandar terbesar di wilayah itu, Zaporizhzhia. - ©BERNAMA

AS : 11 bank sedia \$30 bilion untuk menyelamatkan First Republic Bank

ISTANBUL. - Sebelas bank mengumpul AS\$30 bilion deposit bagi menyelamatkan First Republic Bank, menurut kenyataan bersama agensi-agensi Amerika Syarikat (AS) pada Khamis.

"11 bank mengumumkan desposit AS\$30 bilion ke dalam First Republic Bank," kata Setiausaha Perbendaharaan Janet Yellen, Pengerusi Rizab Persekutuan Jerome Power, Pengerusi Perbadanan Insurans deposit Persekutuan Martin Gruenberg dan Pemangku Pegawai Mata Wang Asing Michael Hsu dalam kenyataan itu.

"Sokongan oleh kumpulan bank besar itu disambut baik yang membuktikan mengenai daya tahan sistem perbankan," menurut kenyataan itu yang dipetik Anadolu Agency.

Bank of America, Citigroup, JPMorgan Chase dan Wells Fargo dalam kenyataan berasingan pada Khamis berkata bank-bank berkenaan masing-masing membuat deposit AS\$5 bilion tanpa insurans ke dalam First Republic Bank.

Goldman Sachs dan Morgan Stanley pula masing-masing membuat deposit tidak diinsuranskan sebanyak AS\$2.5 bilion manakala BNY Mellon, PNC Bank, State Street, Truist dan US Bank masing-masing membuat deposit tidak diinsuranskan sebanyak AS\$1 bilion, menurut kenyataan itu.

"Sistem perbankan mempunyai kredit yang kukuh, mudah tunai yang banyak, modal yang kukuh dan menguntungkan. Peristiwa baru-baru ini tidak mengubah perkara ini... Tindakan bank-bank terbesar di Amerika ini mencerminkan keyakinan mereka terhadap sistem perbankan negara. Kami bersama-sama menggunakan keteguhan dan mudah tunai kewangan kami ke dalam sistem yang lebih besar yang memerlukan, katanya. - ©BERNAMA-ANADOLU



ePaper Pelita Brunei



PHM TEAM - MENARA HALL TEAM ERAT PERSAHABATAN

Berita dan Foto : Ihsan PHM Team

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - PHM Team (Pengiran Haji Mohammad Team) dan Menara Hall Team pagi tadi mengadakan Perlawanan Sukan Badminton Persahabatan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39.

Perlawanan sukan badminton tersebut berlangsung di Dewan Menara Hall, Bengkurong.

Seramai 30 pemain telah mengikuti perlawanan tersebut yang terdiri dari keluarga besar PHM Team & Menara Hall Team.

Turut hadir ialah Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus pasukan PHM Team.

Objektif utama perlawanan persahabatan ini diadakan adalah untuk menyemai jiwa patriotik demi negara yang tercinta dan



SERAMAI 30 pemain terdiri dari keluarga besar PHM Team dan Menara Hall Team menyertai Perlawanan Sukan Badminton Persahabatan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39 yang diadakan di Dewan Menara Hall, Bengkurong.

dapat mengeratkan lagi silaturahim serta merapatkan lagi institusi kekeluargaan

melalui aktiviti sukan yang telah lama dipraktikkan sekali gus menyahut saranan

kerajaan 'Menuju ke Arah Warga Sihat' khususnya kepada generasi baharu.

Eratkan ukhuwah menerusi sukan



PROGRAM Rimba II Riadah Sihat Kali Pertama Peringkat Sekolah Ugama Rimba II, Kawasan Brunei III disertai oleh para guru dan murid sekolah berkenaan dan dirasmikan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Rimba II, Haji Mohd Noorarifin bin Durahim.

Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Ugama Rimba II

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Sekolah Ugama Rimba II, Kawasan Brunei III mengadakan Program Rimba II Riadah Sihat Kali Pertama Peringkat Sekolah Ugama Rimba II, Kawasan Brunei III bertempat di Dewan Sukmaidera Sekolah Rendah Rimba II.

Program berkenaan merupakan salah satu platform bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan ke arah warga Negara Brunei Darussalam yang sihat.

Di samping itu, untuk mengeratkan ukhuwah antara murid-murid dan guru-guru

serta memberikan peluang kepada murid-murid untuk aktif bersukan dan membina kerjasama di antara guru dan juga murid.

Tetamu kehormat majlis ialah Guru Besar Sekolah Ugama Rimba II, Haji Mohd Noorarifin bin Durahim.

Seramai 23 orang guru dan kira-kira 600 orang murid mengikuti aktiviti berkenaan.

Acara dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis dan acara berkenaan merupakan projek bulanan bagi Sekolah Ugama Rimba II.

Gianni Infantino menang penggal baharu sebagai Presiden FIFA

KIGALI, 17 Mac. - Presiden FIFA, Gianni Infantino, 52, mengekalkan penggal baharu empat tahun jawatan itu sehingga 2027 tanpa bertanding.

Beliau berkata ia merupakan suatu penghormatan untuk memenangi penggal baharu sambil menegaskan bahawa ia

merupakan tanggungjawab besar, lapor Agensi berita Qatar (QNA).

Infantino turut menjanjikan edisi Piala Dunia yang indah pada 2026 dan berkata FIFA berjaya menunaikan janjinya untuk menganjurkan Piala Dunia terbaik di Qatar. - ©BERNAMA-QNA

Shah Firdaus raih perak keirin di Kaherah

KUALA LUMPUR, 17 Mac. - Jaguh berbasikal trek negara, Muhammad Shah Firdaus Sahrom merangkul pingat perak acara keirin lelaki di Kejohanan Piala Negara-Negara Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) di Kaherah, Mesir semalam (Khamis).

Menerusi laman sesawang kejohanan, <https://www.uci.org/>, pemenang pingat gangsa Sukan Komanwel Birmingham 2022 itu menamatkan saingan di tempat kedua dengan perbezaan masa +0.057

saat (s) di belakang wakil Jepun, Shinji Nakano dalam aksi final berlangsung di Velodrom Antarabangsa Kaherah.

Nakano yang mencatat masa 10.613s meraih emas manakala pingat gangsa dibawa pulang rakan senegarannya, Kaiya Ota yang mencatat masa 10.686 saat.

Kejohanan yang bermula pada Rabu itu berakhir hari ini dan akan beralih ke Milton, Kanada pada 20 hingga 23 April ini. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

DARUSSALAM Holdings Sdn. Bhd. telah diperkenalkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1993 di bawah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Pada awal penubuhannya, syarikat ini hanyalah berfungsi sebagai ejen dalam mengendalikan pemergian jemaah haji Negara Brunei Darussalam ke tanah suci. Pada tahun 1994, pemergian jemaah haji mula dikendalikan oleh Darussalam Holdings melalui pakejnya yang dikenali sebagai "pakej Darussalam".

SUMBER : Sedekad Bersama Darussalam Holdings

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AL-QURAN PENAWAR BAGI PENYAKIT ROHANI, JASMANI